

"DARI Abi Musa, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda : Sesungguhnya seorang mukmin kepada mukmin yang lain bagaikan satu bangunan yang saling mengukuhkan antara satu sama lain".
(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

2 PESAWAT AIRBUS C295MW TIBA DI NBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



RIMBA, Isnin, 20 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah hari ini berkenan berangkat menyempurnakan Upacara Ketibaan Dua Buah Pesawat Airbus C295MW terakhir bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar di dalam Pesawat Airbus C295MW.



Berita Utama



MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil sempena Penubuhan Jabatan Penerangan

Muka 5



KE arah ekosistem perindustrian cekap tenaga, rendah karbon

Muka 7



KOMITED memperluaskan kerjasama dalam pelancongan pendidikan

Muka 13

Rombongan awal urusan haji berlepas ke Arab Saudi

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Seramai 13 orang pegawai selaku rombongan awal (*advance party*) Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang terdiri daripada lima orang pegawai Pejabat Urusan Jemaah

Haji (Pentadbiran) dan lapan orang pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) telah bertolak ke Arab Saudi menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI421 pada pukul 9.20 pagi tadi.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara

Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1447H/2026M ke Arab Saudi adalah bagi membuat persiapan awal pengurusan Hal Ehwal Haji dengan pihak-pihak berkepentingan di Arab Saudi sebelum ketibaan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 4

Pameran ketengahan teknologi pertahanan, aset, keupayaan ketenteraan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pertahanan

KUALA LUMPUR, Selasa, 21 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, telah mengetuai delegasi dari Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Pameran Defence Services Asia 2026 (DSA 2026) Ke-19 dan National Security Asia 2026 (NATSEC Asia 2026) Ke-4, serta Forum Putrajaya Ke-8, yang berlangsung dari 20 hingga 23 April 2026 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, Malaysia.

>> Muka 5

MoU perkukuh kerjasama strategik industri hiliran minyak, gas

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI) dan Polygel Intermediates (B) Sendirian Berhad (PIBSB) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama strategik dalam pembangunan industri hiliran minyak dan gas negara.

Majlis penandatanganan berlangsung di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, juga selaku Pengerusi BFI.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan bahawa pemeteraian MoU tersebut merupakan satu lagi langkah penting dalam pelan strategik negara bagi industri hiliran minyak dan gas,

yang merupakan antara lima sektor keutamaan dalam Pelan Induk Ekonomi Negara.

"Dengan menjamin bekalan bahan mentah penting seperti ammonia dan asid nitrik, serta mengenal pasti peluang pembangunan hiliran dan infrastruktur berkaitan di Sungai Liang Industrial Park (SPARK), kita menyaksikan usaha berterusan dalam memperkukuh asas industri Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Tambah Yang Berhormat, masa kerjasama ini amat bertepatan susulan penubuhan Persatuan Baja Asia Tenggara baru-baru ini, di mana BFI merupakan ahli pengasas dan Negara Brunei Darussalam dipilih sebagai lokasi sekretariat tetap persatuan berkenaan.

>> Muka 6



RENCANA

BUMI lestari, kehidupan terpelihara

Muka 20

Integriti, kerjasama semua pihak dalam mencapai aspirasi Wawasan Negara 2035

**Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihiee
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

ALHAMDULILLAH marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-44 pada petang ini, dalam suasana Syawal yang penuh keberkatan, dan disemarakkan dengan semangat Aidilfitri serta nikmat keamanan dan kesejahteraan di Negara Brunei Darussalam.

Majlis pada hari ini merupakan satu detik yang amat bermakna dan bersejarah, setelah permohonan abiskita semua melalui proses yang teliti, telus berlandaskan peruntukan undang-undang serta dengan limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan permohonan abiskita semua untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sama ada melalui penguangan atau pendaftaran di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15.

Pada kesempatan ini, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Alhamdulillah, tuan-tuan dan puan-puan kini merupakan sebahagian daripada rakyat Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berpegang teguh kepada falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Falsafah ini menjunjung tinggi nilai keamanan, kestabilan dan keharmonian sebagai asas kekuatan nasional. Dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara, tanggungjawab ini tidak terletak semata-mata di bahu Kerajaan, malah memerlukan penglibatan seluruh negara dan penduduk melalui pendekatan Whole of Nation, di mana setiap individu memainkan peranan sebagai sebahagian daripada ekosistem keselamatan dan ketahanan negara.

Sejak tahun 2022 hingga Mac 2026, seramai 7,477 orang telah dikurniakan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam. Manakala, dalam tempoh 2023 hingga Mac 2026, seramai 2,687 orang telah diluluskan untuk menjadi Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus memperkukuh aspek keselamatan

awam dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh melalui pendekatan bersepadu yang menekankan sinergi antara Kerajaan dan komuniti. Usaha ini merangkumi peningkatan keupayaan operasi dan kesiapsiagaan agensi-agensi berkaitan, pemantapan tahap respons terhadap insiden kecemasan, serta pengukuhan peranan masyarakat sebagai rakan strategik dalam memastikan ketenteraman dan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Dalam masa yang sama, usaha memperkukuh ketahanan masyarakat (*community resilience*) terus dipertingkatkan melalui program kesedaran, kesiapsiagaan serta penglibatan aktif masyarakat, khususnya pemimpin akar umbi sebagai rakan strategik kerajaan. Pendekatan ini penting dalam membentuk komuniti yang peka, responsif dan berdaya tahan, selaras dengan peranan mereka sebagai barisan hadapan dalam menyokong keselamatan awam di peringkat akar umbi.

Dalam kehidupan bermasyarakat, nilai hormat-menghormati, bertolak ansur dan bantu-membantu akan terus menjadi pegangan, dan kepelbagaian latar belakang bukanlah satu kelemahan, bahkan merupakan kekuatan yang memperkukuh paduan nasional.

Seiring dengan itu, adalah wajar untuk kita mengambil pedoman daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 16 Syawal 1447 bersamaan 4 April 2026,



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kali Ke-44 pada Selasa, 7 April 2026 yang berlangsung di Dewan Bankuet, Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

yang antara lain menekankan kepentingan memastikan pembangunan dan pemanfaatan teknologi, termasuk kecerdasan buatan, dilaksanakan secara inklusif dengan penglibatan semua lapisan masyarakat, termasuk pemimpin akar umbi, agar manfaatnya dapat dirasai secara menyeluruh serta menyumbang kepada kesejahteraan negara.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	RABU	4	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
23	KHAMIS	5	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
24	JUMAAT	6	4.41	4.51	6.11	6.33	12.20	3.33	6.26	7.37
25	SABTU	7	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	AHAD	8	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
27	ISNIN	9	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SELASA	10	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	31 24 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	31 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 26 °C	31 25 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 22 APRIL 2026

Berwaspada dengan cuaca pada ketika ini

NEGARA Brunei Darussalam pada ketika ini mengalami cuaca panas. Cuaca panas terik boleh mengakibatkan rasa lelah terutama sekali semasa kelembapan tinggi. Cuaca panas berpanjangan boleh mengakibatkan rasa pening, loya, atau terlalu letih, itu mungkin tanda awal masalah seperti strok haba. Jika mengalami keadaan sedemikian, ada baiknya mengambil rehat secukupnya dan sejukkan badan.

Beberapa langkah berjaga-jaga yang praktikal seperti kita hendaklah kekalkan hidrasi dengan minum air dengan kerap, walaupun tidak rasa dahaga. Kurangkan minuman berkafein atau bergula kerana boleh menyebabkan dehidrasi. Seterusnya, elakkan pendedahan matahari berlebihan. Dalam keadaan cuaca yang panas ini, kita perlu menghadkan aktiviti luar pada waktu tengah hari. Jika perlu keluar, pakai topi, payung, atau cari kawasan teduh. Gunakan pakaian sesuai seperti pakaian ringan, longgar, dan berwarna cerah untuk bantu badan kekal sejuk. Beberapa tanda awal yang perlu diambil perhatian seperti pening, sakit kepala, loya, kekejangan otot, atau kulit terlalu panas - ini boleh jadi tanda keletihan haba atau strok haba.

Pastikan kita mendapat rehat yang mencukupi. Jangan paksa diri melakukan aktiviti berat ketika cuaca terlalu panas. Beri badan masa untuk pulih. Tanggungjawab kita untuk menjaga golongan berisiko seperti kanak-kanak, warga emas, dan mereka yang ada masalah kesihatan lebih mudah terkesan - pastikan mereka sentiasa dalam keadaan selesa dan cukup air. Antara yang boleh membantu meningkatkan air dalam badan dengan menjaga pemakanan. Disarankan untuk makan buah-buahan yang tinggi air seperti tembikai atau oren boleh bantu kekalkan hidrasi.

Cuaca panas boleh mengakibatkan keletihan haba (*heat exhaustion*). Perkara tersebut berlaku apabila badan terlalu panas. Simptom termasuk lemah, peluh terlalu banyak, loya, dan pengsan ringan. Jika tidak dirawat, ia boleh jadi lebih serius dan boleh mengakibatkan strok haba (*heatstroke*). Ini adalah keadaan kecemasan kerana suhu badan boleh naik melebihi 40 darjah Celsius, dengan tanda seperti kekeliruan, tidak berpeluh, atau pengsan. Jika mengalami simptom-simptom berkenaan perlulah mendapatkan rawatan dengan segera.

Beberapa orang akan mengalami masalah kulit jika pendedahan berlebihan kepada matahari boleh menyebabkan kulit terbakar (*sunburn*), iritasi, dan dalam jangka panjang meningkatkan risiko kanser kulit.

Sidang pengarang keluaran kali ini, ingin membawa para pembaca untuk sama-sama berwaspada dengan keadaan cuaca pada masa ini. Banyakkan meminum air dan sentiasa hidrasi diri supaya dapat mengelakkan daripada bahaya. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

2 pesawat Airbus C295MW tiba di NBD



SEKITAR Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bagi menyempurnakan Upacara Ketibaan Dua Buah Pesawat Airbus C295MW terakhir bagi Tentera Udara Diraja Brunei di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

>> Muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Ahmad Daud.

Paduka Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin dan Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud. Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB dan Pegawai-pegawai Kanan

ABDB.

Upacara dimulakan dengan menyaksikan penghormatan tradisi 'Water Salute' sebaik sahaja pesawat memasuki Apron Tentera, diiringi dengan laungan selawat sebagai tanda kesyukuran atas ketibaan pesawat yang selamat.

Kedua-dua buah pesawat tersebut telah menamatkan penerbangan feri selama tujuh hari dari fasiliti pembekal bermula pada 14 April 2026.

Upacara tersebut diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samah, diikuti dengan tinjauan pesawat yang baru tiba oleh Duli Yang Teramat Mulia dan seterusnya disembah kenalkan kepada kru yang terlibat dalam penghantaran pesawat berkenaan.

DYTM kemudian berkenan masuk ke dalam cockpit pesawat.

Upacara diakhiri dengan sesi bergambar ramai, diikuti dengan Majlis Santap Petang di Bilik Merbuk dan penandatanganan Lembaran Keberangkatan sebelum berangkat meninggalkan majlis.

Ketibaan pesawat ketiga dan keempat, masing-masing diberikan designasi 'TUDB 504' dan 'TUDB 505' telah melengkapkan barisan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen mendengar sembah penerangan (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, upacara penghormatan tradisi 'Water Salute' terhadap dua buah pesawat Airbus C295MW terakhir bagi Tentera Udara Diraja Brunei.

pesawat Airbus C295MW TUDB.

Perolehan ini merupakan satu pencapaian penting dalam pemodenan TUDB, sekali gus memperkukuhkan lagi keupayaan pengangkutan udara bagi pelaksanaan misi kebangsaan dan serantau.

Penghantaran awal dua pesawat pertama telah dilaksanakan pada 24 Januari 2024 dalam upacara yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana baginda sendiri berkenan menerbangkan pesawat berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pesawat tersebut diperkenalkan secara rasmi dalam perkhidmatan melalui Upacara Perasmian Perkhidmatan pada 14 Februari 2024, yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana baginda sendiri berkenan menerbangkan pesawat berkenaan.

Sejak memulakan perkhidmatan, pesawat Airbus C295MW TUDB telah mencatatkan 518 penerbangan merentasi lapan buah negara di Asia Tenggara.

Antara penerhasilan penting termasuk misi Bantuan Kemanusiaan dan Bantuan Bencana (HADR) ke Republik Filipina berikutan Taufan Trami pada tahun 2024 dan ke Republik Kesatuan Myanmar pada tahun 2025. Pesawat ini turut melaksanakan misi pengangkutan VIP dengan jarak operasi meliputi sehingga Republik Demokratik Timor-Leste.



MAJLIS DOA SELAMAT, KESYUKURAN ISTIADAT BERSIRAM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkih binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman.

Majlis disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji

Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Istiadat bermula dengan empat Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang tersedia terpasang di tempat yang dikhaskan.

Diikuti tiga Awang-Awang membawa masuk Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan, dan meletakkannya di tempat yang telah ditentukan.

Sejurus itu, Majlis Berdikir dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan

Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Seterusnya diikuti dengan persembahan Dikir Syarafil Anam, bacaan Rawi serta Dikir Marhaban oleh Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Begawan-begawan Mudim.

Sebaik bacaan sampai kepada perenggan 'Ya Habibi', 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman oleh Pasukan Tembak Meriam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir ke majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri Berchiri, Manteri-manteri Bertauliah, Setiausaha-setiausaha Tetap, dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.



MAJLIS Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkih binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (atas kiri dan atas).

Sementara di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, majlis turut dihadiri oleh para jemputan wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkih merupakan puteri pertama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen

ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah yang telah selamat meluaran seorang puteri pada Ahad, 20 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan 8 Februari 2026 Masihi, jam 8.50 pagi.



PERSEMBAHAN Dikir Syarafil Anam, bacaan Rawi serta Dikir Marhaban oleh Yang Dimuliakan Begawan-begawan Pehin Khatib dan Begawan-begawan Mudim (atas). Sementara gambar kanan, jemputan wanita yang hadir di Balai Singgahsana Indera Kenchana. Manakala gambar kanan sekali, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman oleh Pasukan Tembak Meriam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



Rombongan awal urusan haji berlepas ke Arab Saudi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan (kiri dan bawah kiri).



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji

Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir bagi mengucap selamat belayar ialah Setiausaha Tetap Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1447H/2026M dijadualkan bertolak ke Tanah Suci bermula pada 16, 17, 18 dan 19 Zulkaedah 1447 bersamaan 4, 5, 6 dan 7 Mei 2026.

PAMERAN KETENGAHKAN TEKNOLOGI PERTAHANAN, ASET, KEUPAYAAN KETENTERAAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pertahanan

SESI bergambar ramai bersama Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, bersama Menteri-Menteri Pertahanan, Ketua-Ketua Angkatan Tentera, para pegawai dan ahli akademik di Forum Putrajaya Ke-8 2026.

>> Muka 1

Turut menyertai delegasi tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Awang Mohd. Aizul Hakim bin Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi; Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Aldi bin Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Kolonel Pengiran Noor Rumaizi bin Pengiran Othman, dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan.

Defence Services Asia (DSA), yang dihoskan, disokong dan dianjurkan bersama oleh Kementerian Pertahanan



Malaysia dan Defence Services Asia Exhibition and Conference Sdn Bhd, diiktiraf sebagai antara pameran pertahanan dan keselamatan dalam negeri terkemuka di Asia.

Pameran ini menampilkan teknologi termaju, sistem, aset ketenteraan dan keupayaan peperangan elektronik daripada pemain industri global terkemuka.

Pameran ini diadakan secara dwitahunan, dengan edisi terdahulu berlangsung pada tahun 2024.

Majlis perasmian pembukaan pameran telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Diadakan serentak dengan NATSEC Asia 2026, acara ini menghimpunkan kira-kira 1,400 syarikat dari 60 negara serta menarik sekitar 50,000 pengunjung perdagangan dari 114 negara, di samping kira-kira 500 delegasi rasmi mewakili 40 negara.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menghadiri Forum Putrajaya Ke-8 yang diadakan bersempena DSA 2026 dan NATSEC Asia 2026, yang menampilkan Titah Ucaptama Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul

Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dengan tema 'ASEAN Security at the Edge of Emerging Technologies'.

Forum tersebut merupakan sebuah persidangan antarabangsa mengenai pertahanan dan keselamatan yang menghimpunkan penggubal dasar, agensi pertahanan dan keselamatan, badan pemikir serta ahli akademik bagi membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Semasa pameran tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga

telah mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin, di mana Yang Berhormat Pehin menzahirkan penghargaan atas kejayaan penganjuran DSA 2026 dan NATSEC Asia 2026.

Kedua-dua pihak turut menegaskan hubungan pertahanan yang telah lama terjalin, bertukar pandangan mengenai perkara dua hala dan isu strategik berkepentingan bersama, serta menyatakan komitmen untuk terus memperkukuh kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil sempena Penubuhan Jabatan Penerangan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tahlil berkenaan (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian daripada warga Jabatan Penerangan yang hadir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Jabatan Penerangan hari ini telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena Sambutan Memperingati Penubuhan Ke-74 Tahun.

Majlis keagamaan berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perdana Menteri, para pegawai perhubungan awam dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Sementara itu, pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Penerangan juga turut mengadakan Majlis Membaca

Surah Yaa Siin dan Tahlil di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Bacaan diketuai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Dayang Izma Fatin Farina binti Abdullah Adi Kamarulzaman.

Di sepanjang 74 tahun penubuhannya, Jabatan Penerangan telah menempuhi pelbagai cabaran dalam usaha membarigakan dan menyampaikan maklumat serta dasar kerajaan, sama ada secara bersemuka mahupun melalui

bahan-bahan penulisan seperti akhbar Pelita Brunei dan buku-buku terbitan.

Kaedah pembarigakan kini diperluaskan ke platform dalam talian selaras dengan situasi semasa dan kehendak inovasi Perkhidmatan Awam ke arah transformasi digital.

Jabatan Penerangan juga akan terus memperkukuh peranannya dalam menyebarkan maklumat, dasar, program dan aktiviti kerajaan yang sah, di samping berfungsi sebagai platform perantaraan yang menghubungkan rakyat dengan kerajaan.

MOU PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK INDUSTRI HILIRAN MINYAK, GAS



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, juga selaku Pengerusi Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad hadir menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Menurutnya, peranan tersebut meletakkan BFI di tengah-tengah usaha ASEAN dalam memperkukuh keselamatan makanan dan amalan pertanian mampan, di samping mencerminkan sinergi serantau yang turut dizahirkan melalui kerjasama domestik antara BFI dan Polygel.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa kerjasama antara dua syarikat berkaitan kerajaan itu mencerminkan peralihan positif ke arah

ekosistem industri hiliran yang lebih kukuh dan bersepadu.

Projek Asid Asetik dan Anilin yang bakal dilaksanakan oleh Polygel dijangka mempertingkatkan rantai nilai industri serta membuka peluang dalam integrasi operasi dan pembangunan modal insan.

Yang Berhormat juga menyambut baik potensi pembangunan hiliran lanjutan daripada projek tersebut, termasuk penghasilan Vinyl Acetate Monomer dan Methylene Diphenyl Diisocyanate yang digunakan secara meluas dalam

industri pelekat, salutan dan bahan pembinaan, selaras dengan Pelan Hala Tuju Industri Hiliran Minyak dan Gas negara.

"Projek ini merupakan asas penting dalam usaha kepelbagaian ekonomi negara. Di peringkat tempatan, ia membuka peluang pekerjaan bernilai tinggi khususnya kepada golongan belia dalam bidang kejuruteraan dan operasi loji. Di peringkat antarabangsa, penyertaan Polygel dalam pasaran global akan memperkukuh kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam rantai bekalan bahan kimia khusus," tambahnya.

Melalui penukaran bahan mentah kepada produk

perantara bernilai tinggi di SPARK, negara akan terus memainkan peranan aktif dalam ekonomi global di samping membentuk masa depan industri hiliran negara.

MoU tersebut menetapkan rangka kerja bagi kedua-dua pihak untuk meneroka peluang kerjasama, khususnya dalam pembekalan ammonia oleh BFI kepada PIBSB serta pembekalan asid nitrik oleh PIBSB kepada BFI.

Selain itu, kerjasama berkenaan turut meliputi usaha meneroka peluang eksport hidrogen, pembangunan latihan dan keupayaan tenaga kerja, serta penilaian pembangunan hiliran dan produk nilai tambah di kawasan SPARK.

Bagi pihak BFI, MoU ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Harri Kiiski, manakala Polygel diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Luv Shah.

Majlis turut disaksikan oleh Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dayang Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd. Rosli dan Pengurus Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan Polygel, Wilson Nadan.

MoU ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua

pihak dalam memperkukuh integrasi industri, mengoptimalkan penggunaan sumber, serta menyokong pertumbuhan industri yang mampan di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib; Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.

UNISSA adakan Majlis Apresiasi, Sambutan Hari Raya



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini mengadakan Majlis Apresiasi dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni.

Majlis ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada seluruh warga kerja universiti atas komitmen serta khidmat bakti yang telah dicurahkan secara berterusan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, para tenaga akademik, pegawai dan

kakitangan UNISSA.

Pengisian utama majlis adalah menyampaikan penghargaan kepada para staf UNISSA yang telah bersara sebagai tanda penghargaan terhadap jasa yang telah diberikan, seramai 17 mantan staf UNISSA yang bersara dalam tempoh tahun 2019 hingga 2026 telah diraikan.

Para pesara tersebut menerima plak penghargaan sebagai simbol pengiktirafan universiti terhadap pengorbanan mereka demi pembangunan dan kecemerlangan UNISSA.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Sistem Penarafan Kualiti dan Kelestarian bagi Tahun 2025, yang merupakan pelaksanaan sulung bagi kategori ini yang dikendalikan oleh Pusat Perkembangan Strategik dan

Kelestarian.

Sebanyak enam penerima yang terdiri daripada tiga fakulti dalam kategori akademik iaitu tempat pertama : Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan. Tempat kedua: Fakulti Bahasa Arab dan tempat ketiga: Fakulti ekonomi dan Kewangan Islam.

Manakala tiga pejabat/bahagian sebagai penerima dalam kategori bukan akademik iaitu tempat pertama, Perpustakaan, manakala tempat kedua disandang oleh Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri dan tempat ketiga ialah Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Penarafan lima bintang ini dianugerahkan berdasarkan hasil audit kualiti dan kelestarian yang ditetapkan.

Selain itu, UNISSA turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Staf 2025 yang kini genap 10 tahun pelaksanaannya sejak mula diperkenalkan pada tahun 2016. Seramai 23 orang staf akademik dan bukan akademik telah terpilih menerima anugerah ini.

Penganjuran majlis yang diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini dengan tema 'Mahabbah Syawal' juga menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim dan semangat kekeluargaan dalam kalangan warga UNISSA.

Melalui budaya penghargaan dan pengiktirafan ini, UNISSA berharap ia dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada semua warga kerja untuk terus berdaya saing dan berintegriti demi mencapai visi dan misi universiti.



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian penghargaan kepada para staf UNISSA (atas, bawah dan atas kiri).



KE ARAH EKOSISTEM PERINDUSTRIAN CEKAP TENAGA, RENDAH KARBON



menghimpunkan penyewa taman perindustrian, institusi kewangan, dan pihak berkepentingan utama bagi membantu perniagaan memahami dengan lebih baik cara mengoptimalkan penggunaan tenaga mereka, mengurangkan perbelanjaan elektrik, serta meneroka penggunaan tenaga solar melalui sokongan teknikal dan pembiayaan yang tersedia.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha lebih luas Jabatan Tenaga untuk memacu kecekapan tenaga dan daya saing perbelanjaan merentasi sektor komersial dan perindustrian di Negara Brunei Darussalam.

Taman Perindustrian Sungai Bera telah dikenal pasti sebagai projek perintis, dengan memanfaatkan penempatan bersama syarikat-syarikat bagi membolehkan model yang terselaraskan dan boleh diskalakan untuk diterapkan di kawasan perindustrian lain.

Dalam ucapan alu-aluannya, Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM menekankan kepentingan kecekapan tenaga sebagai titik permulaan utama dalam meningkatkan daya saing perniagaan dan mengoptimalkan penggunaan tenaga.

Beliau menyatakan bahawa usaha sedemikian boleh diperkukuhkan lagi melalui penyelesaian seperti integrasi



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

tenaga solar bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan jangka panjang dan kelestarian.

Usaha tersebut, tambahnya, juga membina hasil daripada audit tenaga terdahulu yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga, yang memberikan pandangan terhadap corak penggunaan serta mengenal pasti peluang yang boleh diambil tindakan untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan perbelanjaan.

Di samping itu, jelasnya, kecekapan tenaga juga merupakan komponen penting dalam mempersiapkan sektor komersial bagi struktur tarif elektrik progresif baharu yang akan dilaksanakan pada tahun 2028.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong antara lain menjelaskan mengenai kepentingan menterjemahkan kesedaran kepada tindakan praktikal bagi perniagaan, "Bagi banyak perniagaan, kos tenaga merupakan perbelanjaan operasi yang signifikan".

"Inisiatif ini adalah tentang membantu syarikat meningkatkan kecekapan, mengurus perbelanjaan, dan mengambil langkah seterusnya secara praktikal," ujar beliau lagi.

Semasa sesi tersebut, Jabatan Tenaga menggariskan inisiatif lebih luas untuk menyokong peralihan Taman Perindustrian Sungai Bera ke arah ekosistem perindustrian yang lebih cekap tenaga dan rendah karbon.

Langkah-langkah praktikal telah dikongsikan bagi membimbing penyewa dalam meningkatkan prestasi tenaga, disokong oleh pandangan mengenai rangka kerja peraturan dan dasar yang tersedia.

Berdasarkan pengalaman di SPARK Centre, BEDB turut menunjukkan bagaimana penggunaan tenaga solar boleh memberikan manfaat operasi dan penjimatan perbelanjaan yang ketara kepada perniagaan.

Program tersebut menampilkan beberapa siri pembentangan ringkas dan sesi perbincangan panel interaktif, dengan penyertaan wakil daripada industri dan sektor kewangan.

Sesi-sesi itu membincangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan, termasuk kerumitan teknikal, pertimbangan pelaburan awal, dan akses kepada pembiayaan, sambil menyediakan panduan praktikal mengenai penyelesaian yang tersedia.

Taman Perindustrian Sungai Bera dijangka berfungsi sebagai model perintis bagi usaha serupa di taman perindustrian lain di Negara Brunei Darussalam, menyokong usaha kerajaan yang lebih luas untuk meningkatkan

kecekapan industri, memperkukuh daya saing perniagaan, dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi.

Sesi Townhall tersebut diakhiri dengan komitmen bersama antara agensi kerajaan, pemain

industri, dan institusi kewangan untuk terus bekerjasama dalam menyokong perniagaan mengguna pakai penyelesaian praktikal dan perbelanjaan efektif yang memacu pertumbuhan jangka panjang dan kelestarian.

SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat acara dan seterusnya menyampaikan ucapan. Manakala gambar bawah, antara yang hadir di acara tersebut.

BELAIT, Isnin, 20 April. - Satu Sesi Townhall bersama yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) yang diadakan di SPARK Mini Theatre telah menonjolkan bahawa perniagaan yang beroperasi di Taman Perindustrian Sungai Bera bakal mendapat manfaat daripada penyelesaian praktikal untuk mengurangkan perbelanjaan operasi dan meningkatkan kecekapan tenaga.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra serta pegawai kanan dari Jabatan Tenaga dan BEDB.

Dalam sesi tersebut



Majlis Aidilfitri AFSA perkukuh jalinan kerjasama, ukhuwah

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association



PERSATUAN Aftercare Support Association (AFSA) mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri sebagai tanda penghargaan terhadap kerjasama berterusan rakan-rakan strategik AFSA, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara semua pihak yang terlibat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Suasana Hari Raya Aidilfitri masih lagi terasa walaupun Syawal hampir ke penghujungnya, apabila Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri baru-baru ini di sebuah restoran di Kampung Mabohai.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap kerjasama berterusan rakan-rakan strategik AFSA yang sentiasa memberikan sokongan dalam usaha menyantuni Rakan Selaian (RS), di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara semua pihak yang terlibat.

Hadir memeriahkan majlis ialah Penasihat AFSA, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

Paduka Haji Abidin; Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Jaya; Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Ahli Jawatankuasa Tadbir AFSA; rakan-rakan strategik serta RS.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti sesi suai kenal dan ramah mesra antara Penasihat AFSA bersama RS.

Sambutan tersebut amat bermakna khususnya kepada Rakan Selaian sebagai tanda keprihatinan dan sokongan berterusan AFSA terhadap kebajikan mereka.

Para RS juga menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan strategik AFSA yang sentiasa membantu serta memberikan sokongan padu selama ini.



TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe

BENGKEL TARBIAH SENI ISLAM LABUH TIRAI



RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil dan cenderahati kepada para pembengkel di Majlis Penutup Bengkel Tarbiah Seni Islam (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Bengkel Tarbiah Seni Islam anjuran Eksekutif Kesenian dan Kebudayaan Islam, Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang telah diadakan sejak bulan Ogos 2025 lalu melabuhkan tirainya pagi ini dengan Majlis Penutup bertempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil dan

cenderahati kepada para pembengkel ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Bengkel Tarbiah Seni Islam merangkumi enam sesi bengkel iaitu Dikir, Tilawah Al-Quran, Tausyeh, Menambat Dastar dan Menapih Sinjang, Hadrah dan Syair.

Dikendalikan oleh pembengkel-pembengkel jemputan yang berpengalaman, bengkel secara keseluruhannya telah disertai oleh kira-kira 500-600 peserta

yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Bengkel tersebut antara lain bertujuan untuk memperkembangkan bakat atau meningkatkan minat mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang seni Islam sekali gus membina jati diri mahasiswa dan mahasiswi sebagai penerus budaya dan tamadun Islam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi galakan kepada mahasiswa dan mahasiswi agar terlibat secara



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

langsung dan bersungguh-sungguh dalam pelbagai bentuk aktiviti kesenian sepanjang bengkel dijalankan.

Mantan warga Jabatan Penerbangan Awam anjur Majlis Pertemuan Semula



LEBIH 100 orang mantan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerbangan Awam hadir bagi meraikan Majlis Pertemuan Semula Mantan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerbangan Awam Kali Ke-2 (atas). Manakala gambar bawah, antara persembahan nyanyian semasa berlangsungnya majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Dalam mengeratkan lagi ikatan silaturahim yang sudah sekian lama terjalin, baru-baru ini, lebih 100 orang mantan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerbangan Awam telah berhimpun bagi meraikan Majlis Pertemuan Semula Mantan

Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerbangan Awam yang diadakan di Restoran Tiong Jaya, Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas, di sini.

Majlis berkenaan merupakan Majlis Pertemuan Semula Mantan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerbangan Awam Kali Ke-2

Berita dan Foto :
Nurdiyana Rajami

yang mana majlis pertama seumpamanya telah diadakan pada 12 November 2022.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim dan Pengiran Dato Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohammad Yasin, yang mana kedua-duanya pernah bertugas di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Pegawai Pentadbir.

Selain itu, mantan-mantan Pengarah Penerbangan Awam terawal turut hadir pada majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis Pertemuan Semula Mantan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerbangan Awam Ke-2, Haji Wan Ramli bin Wan Ibrahim.

Suasana majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian dan cabutan nama bertuah.

Sambil menikmati pelbagai juadah tersedia, para hadirin turut berpeluang menyaksikan tayangan nostalgia melalui himpunan slaid yang menggabungkan koleksi gambar-gambar yang masih tersimpan sebagai kenangan manis sepanjang persahabatan terjalin sejak dahulu lagi.

Dengan adanya pengendalian majlis berkenaan, ia sememangnya diharap akan dapat mengeratkan lagi tali persahabatan dalam kalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan mantan jabatan tersebut, meskipun telah lama terpisah disebabkan berpencen, bertukar mahupun berpindah pejabat.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



HALUAN

>> Muka 2

Pada kesempatan ini, peramba / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengerusi, Ahli-Ahli Jawatankuasa serta semua agensi yang terlibat atas komitmen, kerjasama dan usaha gigih dalam menjayakan majlis pada hari ini. Segala usaha yang dicurahkan mencerminkan dedikasi yang tinggi dalam memastikan majlis ini dilaksanakan dengan sempurna dan penuh makna.

Peramba / saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima sijil taraf kerakyatan pada hari ini. Semoga pengurniaan ini bukan sahaja membuka lembaran baharu dalam kehidupan tuan-tuan dan puan-puan, bahkan menjadi titik permulaan kepada peranan yang lebih besar sebagai warga yang menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan kemakmuran negara.

Akhir sekali, marilah kitani sama-sama menadahkan tangan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, memohon doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dikurniakan umur yang panjang lagi diberkati, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, serta dilimpahi kebahagiaan, ketenangan dan keberkatan dalam setiap langkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah negara yang kitani kasihi ini.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam lindungan, rahmat dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala, serta segala jasa dan pengorbanan Baginda dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda. *Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.*

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



MEMPELBAGAIKAN SUMBER BEKALAN, MEMBANGUNKAN SISTEM AGROMAKANAN BERDAYA TAHAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya pada pembukaan Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) peringkat Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) (atas kanan). Sementara atas kiri, sekitar persidangan tersebut.

JERUDONG, Selasa, 21 April. - Rantau Asia Pasifik kini berada di satu titik penting, di mana perubahan iklim, tekanan terhadap alam sekitar dan gangguan kepada rantaian bekalan global terus menguji ketahanan sistem agromakanan.

Cabaran-cabaran ini menekankan keperluan mendesak untuk memperkukuhkan kerjasama serantau dan tindakan yang lebih selaras.



ANTARA yang berucap pada persidangan berkenaan yang berlangsung di The Empire Brunei (atas kiri dan atas kanan).

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab pada pembukaan Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) peringkat Mesyuarat

Pegawai Kanan (SOM) yang berlangsung di The Empire Brunei baru-baru ini.

Tambahnya, berpandukan Kerangka Strategik FAO 2022 hingga 2031 dan misinya untuk mencapai 'empat yang lebih baik' iaitu pengeluaran yang lebih baik, pemakanan yang lebih baik, persekitaran yang lebih baik dan kehidupan yang lebih baik tanpa meminggirkan sesiapa, mereka perlu memajukan penyelesaian yang inovatif, inklusif dan mampan bagi mentransformasikan sistem agromakanan.

Pandangan strategik ke hadapan dan data yang boleh dipercayai menurutnya, akan membolehkan mereka menjangka cabaran baharu dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan.

Dengan menyelaraskan piawai dan memperkukuh pelaburan hijau dalam sistem agromakanan jelasnya, mereka dapat membentuk pasaran yang bersepadu dan berdaya tahan, sekali gus menjamin keselamatan

makanan jangka panjang serta kemakmuran bersama dalam dunia yang semakin tidak menentu.

Dalam masa yang sama ujaninya, konflik yang berterusan di beberapa bahagian dunia, termasuk di Timur Tengah, memberi tekanan kepada sistem makanan global dengan potensi gangguan terhadap rantaian bekalan, peningkatan kos input dan pengangkutan, serta menyumbang kepada ketidakpastian pasaran.

Perkembangan ini tegasnya lagi, memberi implikasi yang meluas terhadap ketersediaan dan kemampuan mendapatkan makanan, khususnya bagi golongan rentan.

Oleh itu tekannya, mereka perlu memperkukuh kerjasama, mempelbagaikan sumber bekalan dan membangunkan sistem agromakanan yang berdaya tahan bagi menghadapi dan mengekalkan kestabilan dalam menghadapi kejutan luar.

Sebagai pegawai kanan terangnya, mereka memainkan

peranan penting dalam merangka cadangan yang akan membimbing keputusan peringkat menteri serta menentukan hala tuju masa depan rantau ini.

"Saya yakin perbincangan kita akan menghasilkan keputusan yang bermakna dan boleh dilaksanakan ke arah Asia Pasifik yang lebih berdaya tahan, inklusif dan terjamin keselamatan makanannya," ujaninya lagi.

Terdahulu itu, Setiausaha Tetap KSSUP berkata, Negara Brunei Darussalam amat berbesar hati untuk menjadi tuan rumah kepada perhimpunan pegawai kanan dan rakan kongsi yang komited untuk memajukan sistem makanan agromakanan yang mampan dan berdaya tahan di seluruh rantau kita.

Beliau seterusnya berharap para delegasi juga dapat merasai keusahawanan dan transformasi luar bandar yang inklusif.

Forum ketengahkan transformasi sistem agrimakanan melalui pelaburan, inovasi

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), dengan kerjasama Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), akan menganjurkan Asia-Pacific Food Forum (APFF) bersempena dengan Sesi Ke-38 Persidangan Serantau FAO bagi Asia dan Pasifik (APRC).

Forum ini merupakan satu pencapaian penting sebagai penganjur julung kalinya di Negara Brunei Darussalam, yang akan dijadualkan berlangsung pada Rabu, 22 April 2026.

APFF merupakan sebuah platform serantau bagi mempercepatkan transformasi sistem agrimakanan melalui pelaburan, sains dan inovasi, serta kepimpinan wanita dan belia.

Forum ini akan menghimpunkan wakil pihak kerajaan, peladang, golongan belia, institusi akademik, sektor swasta serta rakan pembangunan bagi menterjemahkan idea kepada tindakan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan konsep 'Four Betters' FAO.

Sistem agrimakanan di rantau

Asia Pasifik berdepan dengan pelbagai cabaran yang saling berkait, termasuk perubahan iklim, ketidakpastian pasaran, isu nutrisi dan keselamatan makanan, penghijrahan luar bandar, serta jurang akses kepada inovasi dan pembiayaan.

Tekanan ini, yang turut dipengaruhi oleh ketidakpastian global dan gangguan rantaian bekalan, menekankan keperluan untuk memperkukuh daya tahan, meningkatkan produktiviti, dan memastikan kelestarian sistem agrimakanan secara inklusif.

Barisan penceramah terkemuka dari dalam dan luar negara akan menghadiri forum ini, membawa pelbagai perspektif dan kepakaran merentas sektor agrimakanan.

Forum ini dijangka menarik sekitar 150 orang peserta, mencerminkan penglibatan aktif di peringkat kebangsaan dan serantau.

Selaras dengan 'International Year of the Woman Farmer 2026', program ini mengiktiraf sumbangan penting wanita dalam sistem agrimakanan, di samping menekankan kepentingan penglibatan belia serta inovasi digital dalam membentuk masa depan yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

Forum ini akan memberi tumpuan kepada aspek menggalakkan pelaburan berimpak, mempamerkan sains dan inovasi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing, serta

memperkasakan belia dan wanita luar bandar sebagai pemacu keusahawanan dan transformasi luar bandar yang inklusif.

Di samping itu, forum ini turut memperkukuh kerjasama strategik merentas sektor dan peringkat, selaras dengan keutamaan serantau serta platform global seperti World Food Forum.

Komponen pameran turut diadakan dengan tema 'Transforming Agrifood Systems - Invest. Innovate. Empower.', yang mengetengahkan inisiatif seperti FAO Hand-in-Hand Initiative, One Country One Priority Product (OCOP), serta pelbagai inovasi dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan.

Bolehkah Berwudhu' Atau Mandi Menggunakan Air Zamzam?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KEMUNCULAN air zamzam di Kota Makkah sering dikaitkan dengan kisah Sayyidatuna Hajar, iaitu isteri Nabi Ibrahim 'alaihissalam bersama anak mereka, iaitu Nabi Isma'il 'alaihissalam. Nabi Ibrahim 'alaihissalam pernah meninggalkan Sayyidatuna Hajar dan Nabi Isma'il 'alaihissalam yang masih kecil di bawah sebatang pokok dauhah yang besar di Makkah atas perintah Allah Ta'ala. Akibat kehabisan bekalan makanan dan minuman, Sayyidatuna Hajar merasa lapar dan dahaga sehingga kemudiannya menjejaskan penghasilan air susu untuk Nabi Isma'il 'alaihissalam.

Didorong oleh rasa khawatir terhadap keadaan Nabi Isma'il 'alaihissalam yang sedang dahaga, maka Sayyidatuna Hajar pun berusaha untuk mencari air dengan melakukan pencarian secara berulang-alik antara bukit Shafa dan bukit Marwah. Namun, usaha tersebut tidak membuahkan hasil sehinggalah pada perjalanan kali ketujuh, iaitu menuju ke bukit Marwah, Sayyidatuna Hajar mendengar satu suara di bukit Marwah tersebut. Sayyidatuna Hajar menumpukan perhatian sepenuhnya kepada suara tersebut lalu berkata: "Hulurkanlah bantuan jika ada padamu kebajikan". Sambil berjalan menuju ke tempat Nabi Isma'il 'alaihissalam, tiba-tiba Sayyidatuna Hajar terdengar malaikat berada di samping Nabi Isma'il 'alaihissalam. Malaikat tersebut kemudiannya menghentak tanah yang berhampiran kaki mulia Nabi Isma'il 'alaihissalam sehingga terpancar air yang kini dikenali sebagai air zamzam.

Air zamzam ini terkenal sebagai air yang mempunyai banyak kelebihan. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda

MAKSUD hadits ini ada dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tahdzib al-Asma' wa al-Lughat*, iaitu sesiapa meminum air zamzam kerana suatu hajat, maka hajatnya itu akan tertunai. Malah, beliau menyatakan bahawa para ulama dan orang-orang salih telah mencuba meminum air zamzam bagi memohon hajat-hajat ukhrawi dan duniawi, dan mereka kemudiannya benar-benar mendapatkan apa yang mereka hajati itu sebagaimana kata beliau :

Ertinya : Maknanya (hadits mengenai air zamzam diminum untuk hajat ia diminum): Sesiapa meminumnya (air zamzam) kerana suatu hajat, (maka) dia akan mendapatkannya (apa yang dihajatnya). Dan para ulama dan orang-orang salih telah mencubanya (meminum air zamzam untuk memohon suatu hajat) bagi hajat-hajat ukhrawi dan duniawi, lalu mereka mendapatkannya (apa yang mereka hajati) dengan segala puji bagi Allah Ta'ala dan kebaikanNya.

bahawa air zamzam ialah air yang diminum untuk apa ia diminum sebagaimana dalam hadits daripada Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahu 'anhuma*, beliau berkata bahawa beliau telah mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Air zamzam (diminum) untuk apa (sahaja hajat) ia diminum. (Hadits riwayat Ibn Majah)

Maksud hadits ini ada dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tahdzib al-Asma' wa al-Lughat*, iaitu sesiapa meminum air zamzam kerana suatu hajat, maka hajatnya itu akan tertunai. Malah, beliau menyatakan bahawa para ulama dan orang-orang salih telah mencuba meminum air zamzam bagi memohon hajat-hajat ukhrawi dan duniawi, dan mereka kemudiannya benar-benar mendapatkan apa yang mereka hajati itu sebagaimana kata beliau :

Ertinya : Maknanya (hadits mengenai air zamzam diminum untuk hajat ia diminum): Sesiapa meminumnya (air zamzam) kerana suatu hajat, (maka) dia akan mendapatkannya (apa yang dihajatnya). Dan para ulama dan orang-orang salih telah mencubanya (meminum air zamzam untuk memohon suatu hajat) bagi hajat-hajat ukhrawi dan duniawi, lalu mereka mendapatkannya (apa yang mereka hajati) dengan segala puji bagi Allah Ta'ala dan kebaikanNya.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'ah* ada memberikan contoh permulaan doa sebelum memohon hajat serta contoh doa memohon keampunan Allah Ta'ala dan memohon kesembuhan daripada penyakit. Sebelum memohon apa-apa hajat, beliau menyatakan untuk menghadap kiblat terlebih dahulu, lalu membaca basmalah, kemudian memulakan doa seperti yang berikut :

Ertinya : Ya Allah, sesungguhnya telah sampai kepadaku bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda : "Air zamzam (diminum) untuk apa (sahaja

hajat) ia diminum."

Selepas permulaan doa ini dibaca, barulah berdoa memohon hajat tertentu. Jika ingin memohon keampunan Allah Ta'ala, maka contoh doa yang disebut oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* ialah :

Ertinya : Ya Allah, sesungguhnya aku meminumnya agar Engkau mengampuniku, Ya Allah, maka ampunilah aku.

Manakala jika ingin memohon kesembuhan daripada penyakit, maka contoh doa yang disebut oleh beliau ialah :

Ertinya : Ya Allah, sesungguhnya aku meminumnya untuk memohon kesembuhan dengannya (daripada) penyakitku, Ya Allah, maka sembuhkanlah aku.

Air zamzam juga merupakan air yang diberkati sehingga meminumnya boleh mengenyangkan. Dalam hadits daripada Abu Dzar al-Ghifari *Rahimahullah*, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesungguhnya ia (air zamzam) diberkati. Sesungguhnya ia makanan yang mengenyangkan.

(Hadits riwayat Muslim)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Minhaj fi Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj* menjelaskan bahawa maksud 'ia makanan yang mengenyangkan' dalam hadits di atas ialah ia mengenyangkan peminumnya seperti makanan mengenyangkannya.

Meminum dan memperbanyak meminum air zamzam ini adalah disunatkan menurut Imam asy-Syafi'i dan *al-ashhab* (ulama asy-Syafi'iyah terdahulu yang terkemuka) *Rahimahumullah* sebagaimana kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'ah* :

Ertinya : (Imam) asy-Syafi'i dan al-ashhab dan selain mereka berkata disunatkan untuk minum daripada air zamzam dan memperbanyak daripadanya (meminumnya).

Selain daripada air zamzam terkenal dengan banyak kelebihan bagi peminumnya, air zamzam juga terkenal sebagai air yang digunakan oleh malaikat Jibril 'alaihissalam untuk menyucikan hati Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Perkara ini terjadi dalam peristiwa masyhur tentang pembelahan dada Baginda sebagaimana diceritakan dalam hadits daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anh*u :

Maksudnya : Sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah didatangi oleh (malaikat) Jibril 'alaihissalam dan Baginda (ketika itu) sedang bermain bersama kanak-kanak, lalu dia (malaikat Jibril) mengambil Baginda lantas merebahkan Baginda (atas tanah), lalu membelah (tempat letaknya) hati Baginda, lalu mengeluarkan daripadanya segumpal darah, lalu (malaikat Jibril) berkata : "Ini adalah bahagian syaitan (yang mampu menyampaikan bisikan syaitan) daripadamu (Nabi Muhammad Shallallahu

IRSYAD HUKUM

IRSYAD HUKUM

جاءت في كل حين
جان فزان شرفي كل يوم والحمد لله

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN PERTAMA

'alaihi wasallam)." Kemudian dia (malaikat Jibril) menyucikannya (bahagian syaitan tersebut) dalam satu wadah emas menggunakan air zamzam, kemudian menyatukannya (bahagian yang dicuci itu kembali) dan mengembalikannya semula ke tempatnya.

(Hadits riwayat Ahmad dalam musnadnya)

Bertitik tolak daripada penggunaan air zamzam untuk menyucikan hati Baginda ini, sebahagian ulama berpendapat bahawa air zamzam ialah air kedua paling afdhal (utama) setelah air yang memancar keluar dari jari-jari mulia Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam. Menurut Imam al-Bulqini *Rahimahullah* sebagaimana dinukil oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, air zamzam menjadi air yang paling utama kerana hati Baginda dicuci menggunakannya dan hati Baginda tidak akan dicuci melainkan hanya dengan air yang paling utama sahaja sebagaimana kata beliau :

Ertinya : Air zamzam lebih utama daripada (air sungai) al-Kautsar : iaitu ia merupakan air paling utama kerana dengannya (air zamzam) dicuci dada (hati) Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam dan tidak akan dicuci dada (hati) Baginda melainkan dengan air yang paling utama, akan tetapi (sebagaimana) yang disebut sebelumnya bahawa air yang paling utama (ialah air) yang memancar keluar dari jari-jari Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam.

Imam al-Bajuri *Rahimahullah* dalam kitabnya *Hasyiyah al-Bajuri 'ala Syarh al-'Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja'* juga menyebut perkara tersebut sebagaimana katanya :

Ertinya : Air yang paling utama (ialah) : (Air) yang memancar keluar dari jari-jari Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam, kemudian air zamzam.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

DAN carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.

Surah Al-Qashaash, ayat 77.

Sesungguhnya tidak salah bagi kita untuk mencari harta, bahkan mencari harta merupakan satu perbuatan yang digalakkan oleh agama Islam selagi mana ia dilakukan dengan cara yang halal dan tidak merugikan

orang lain.

Islam memandang harta sebagai ujian dan amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala yang harus digunakan untuk kebaikan bersama, sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk orang lain.

lanya bertujuan untuk melihat bagaimana manusia menggunakannya. Harta boleh menjadi ujian, baik positif (menggunakannya untuk kebaikan) mahupun negatif (menggunakannya untuk kepentingan peribadi yang berlebihan).

Harta yang dimiliki adalah amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Manusia bertanggungjawab dalam mengelola harta tersebut dengan sebaik-baiknya dan tidak menia-siakan atau menyalahgunakannya.

Harta yang dicari mestilah bersumberkan dari yang halal dan baik. Islam menegaskan

betapa pentingnya mencari harta atau rezeki yang halal, iaitu dengan cara yang tidak melanggar hukum syarak. Hal ini termasuk menghindari riba, penipuan, dan segala bentuk perbuatan yang diharamkan.

Setelah memperoleh harta, seorang Muslim wajib melaksanakan tanggungjawab mereka dengan membayar zakat dan disarankan pula untuk melakukan sedekah. Zakat adalah mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. Manakala sedekah adalah pemberian yang dilakukan dengan tulus ikhlas tanpa meminta imbalan.

Harta yang diperoleh harus digunakan untuk kebaikan dan kemaslahatan, baik untuk memenuhi keperluan diri sendiri,

keluarga atau membantu orang lain yang memerlukan yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala atau melakukan kebaikan lainnya.

Bersamalah kita memelihara agama Islam dengan mematuhi segala perintah Allah dengan menggunakan dan menyalurkan harta yang kita miliki ke jalan yang diredai Allah dan semoga harta yang kita miliki tidak akan melalaikan diri kita dari mengingat Allah Subhanahu Wata'ala yang akan menjadikan kita rugi dan menyesal di hari kandila. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Munafiquun ayat 9, maffumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak melalaikan kamu daripada mengingat Allah. Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang yang rugi".

Harta dijaga, agama dipelihara

KE ARAH MEMAJUKAN PERGERAKAN PENGAKAP SERANTAU



MESYUARAT Ke-22 Southeast Asia Scout Association Regional Committee telah julung kalinya diadakan di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama delegasi dari negara-negara ASEAN (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. – Mesyuarat Ke-22 Southeast Asia Scout Association Regional Committee (SEASARC) hari ini telah berjaya diadakan di Negara Brunei Darussalam di bawah kepengerusan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) bagi penggal 2026-2028 bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Mesyuarat yang julung kalinya Negara Brunei Darussalam

memegang jawatan Pengerusi SEASARC itu telah dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Mesyuarat ini menghimpunkan delegasi dari negara-negara ASEAN, bagi memperkukuhkan komitmen bersama dalam memajukan pergerakan pengakap di rantau ini.

Perbincangan dalam mesyuarat ini secara umum tertumpu kepada usaha memperkukuhkan

kerjasama serantau, meningkatkan penglibatan belia, serta menyelaraskan program pengakap di seluruh Asia Tenggara.

Para delegasi turut bertukar pandangan mengenai inisiatif semasa, berkongsi amalan terbaik, serta meneroka peluang kerjasama dalam pembangunan kepimpinan belia dan khidmat masyarakat.

SEASARC terus berperanan sebagai platform penting bagi penyelarasan serantau dalam kalangan Organisasi Pengakap

■ Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

Kebangsaan (NSO).

Objektif utamanya adalah untuk memupuk kerjasama, mempererat persahabatan serta meningkatkan pembangunan belia di Asia Tenggara.

Antara fokus utama termasuk mengukuhkan semangat perpaduan ASEAN, memperkasa belia melalui aktiviti antarabangsa, menyelaraskan program, memperkukuhkan aspek keselamatan seperti 'Safe from

Harm' serta menyelaras pelaksanaan acara serantau seperti Jambori ASEAN.

SEASARC menghimpunkan organisasi ahli dari negara-negara termasuk Negara Brunei Darussalam, Republik Singapura, Kemboja, Malaysia, Republik Filipina dan Thailand bagi memastikan pergerakan pengakap kekal relevan dan berkesan dalam memenuhi keperluan belia masa kini.



MINDA PEMBACA

Cabaran belia dalam mendapatkan pekerjaan berkualiti

PADA era globalisasi yang semakin mencabar ini, belia merupakan aset penting dalam pembangunan sesebuah negara. Namun begitu, belia kini berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mendapatkan pekerjaan yang berkualiti. Pekerjaan berkualiti merujuk kepada pekerjaan yang menawarkan gaji yang setimpal, persekitaran kerja yang baik serta peluang pembangunan kerjaya.

Antara cabaran utama ialah ketidaksepadanan antara kelayakan akademik dengan kehendak pasaran pekerjaan. Ramai belia memiliki sijil atau ijazah, tetapi kurang kemahiran praktikal yang diperlukan oleh majikan.

Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk bersaing dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Selain itu, kekurangan pengalaman kerja turut menjadi penghalang utama, terutamanya bagi graduan baharu.

Di samping itu, perkembangan teknologi dan automasi juga memberi kesan kepada peluang pekerjaan. Banyak pekerjaan tradisional semakin berkurangan, manakala pekerjaan baharu pula memerlukan kemahiran digital yang tinggi. Belia yang tidak bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini akan ketinggalan. Tambahan pula, persaingan daripada tenaga kerja asing yang lebih berpengalaman turut

meningkatkan cabaran dalam mendapatkan pekerjaan yang berkualiti.

Faktor sikap juga memainkan peranan penting. Seseorang belia terlalu memilih pekerjaan dan mengharapkan gaji yang tinggi tanpa mempertimbangkan pengalaman yang boleh diperolehi. Sikap ini boleh menyukarkan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan.

Bagi mengatasi cabaran ini, belia perlu meningkatkan kemahiran diri melalui latihan, kursus dan pengalaman praktikal. Kerajaan dan pihak swasta juga perlu menyediakan lebih banyak peluang latihan industri serta program pembangunan

Nama : Dayangku Nur Afidah Nabilah binti Pengiran Ahmad Mustajaf
No. K/P : 01-107XXX



Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
- 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026
- 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TINGKATKAN AKSES PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN MULUT



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Kesihatan mulut merupakan komponen penting dalam kesejahteraan keseluruhan seseorang individu. Namun begitu, bagi golongan berkeperluan khas, akses kepada perkhidmatan kesihatan mulut sering kali menjadi cabaran yang ketara.

Golongan ini termasuk individu dengan ketidakupayaan fizikal, intelektual, sensori serta mereka yang mempunyai keadaan perubatan kronik yang memerlukan penjagaan khusus. Oleh itu, usaha untuk memastikan akses yang adil dan inklusif kepada penjagaan kesihatan mulut adalah amat penting.

Pertubuhan kesihatan dan penyelidikan antarabangsa World Dental Federation (FDI), World Health Organization (WHO) dan International Association for Dental Research (IADR) telah menyatakan bahawa matlamat antarabangsa kesihatan mulut menekankan kepentingan mempromosikan kesihatan mulut dalam golongan yang mempunyai beban penyakit yang paling besar.

Jika dibandingkan dengan golongan yang lain, golongan

Orang Kelainan Upaya (OKU) didapati kurang mendapat perkhidmatan kesihatan dan juga mengalami tahap masalah kesihatan mulut yang lebih tinggi. Tambahan lagi, penyakit mulut yang mereka alami selalunya masih tidak dirawat, meletakkan beban tambahan kepada kualiti hidup mereka jika dibandingkan dengan golongan bukan OKU.

Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kesihatan Mulut Awam (Dental Public Health Division), baru-baru ini telah pun mengendalikan beberapa program ke arah mempromosikan kesihatan mulut kepada seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam dan juga kepada masyarakat sasaran daripada pelbagai peringkat umur, contohnya Program Senyum Ibu bagi ibu-ibu mengandung, Program Senyum SiManja bagi kanak-kanak berumur 4 tahun dan ke bawah dan Program Senyum Pelajar bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah.

Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan melalui Unit Pergigian Keperluan

Khas (Special Care Dentistry Unit) dan Bahagian Kesihatan Mulut Awam telah bekerjasama untuk melaksanakan Program Senyum Kasih yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut bagi golongan berkeperluan khas yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan pergigian, terutamanya disebabkan oleh pergerakan terhad serta berada di bawah institusi jagaan kebajikan.

Bagi mencapai tujuan ini, program ini menyediakan pemeriksaan pergigian, rawatan pencegahan serta meningkatkan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan mulut bagi golongan berkeperluan khas. Program ini memberi penekanan kepada aspek pencegahan iaitu membantu pesakit mengambil langkah awal ke arah kesihatan mulut yang lebih baik serta mengelakkan masalah pergigian yang lebih serius pada masa hadapan.

Program Senyum Kasih telah dilaksanakan dalam tiga kumpulan sasaran dan lokasi yang berbeza.

Pertama, bermula pada tahun 2023, program ini dijalankan di rumah-rumah pesakit yang menghadapi kesukaran untuk mengakses atau mendapatkan perkhidmatan pergigian, termasuk OKU yang mempunyai pergerakan terhad atau bergantung sepenuhnya kepada penjagaan di katil. Pasukan pergigian menjalankan lawatan ke rumah pesakit berkeperluan khas untuk memberikan pemeriksaan rutin, nasihat serta panduan penjagaan kesihatan mulut yang bersesuaian dengan keadaan pesakit.

Selain itu, pesakit dan penjaga turut diajar teknik pembersihan gigi yang betul serta dinilai keperluan penggunaan alat bantuan seperti berus gigi khas yang dipanggil

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan Jabatan Perkhidmatan Pergigian



PROGRAM Senyum Kasih bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut bagi golongan berkeperluan khas yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan pergigian.

'Superbrush'. Sebagai langkah pencegahan, sapuan varnis fluorida berkepekatan tinggi (22,600 ppm) turut diberikan bagi menguatkan gigi dan mencegah kerosakan gigi.

Kedua, pada tahun 2024 dan 2025, program ini telah dilaksanakan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), yang menyediakan perlindungan dan penjagaan sementara kepada individu yang menghadapi cabaran sosial.

Aktiviti yang dijalankan termasuk sesi taklimat berkumpulan secara interaktif, pendidikan kesihatan mulut, pertunjukan teknik pembersihan gigi yang betul, pemeriksaan mulut serta sapuan varnis fluorida kepada para residen.

Ketiga, pada tahun 2025, program ini telah diperluaskan ke Pusat Al-Islah. Di pusat ini,

perkhidmatan yang diberikan termasuk pemeriksaan mulut, pendidikan kesihatan mulut serta sapuan varnis fluorida kepada para residen yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan.

Bagi individu yang mempunyai pergerakan terhad atau bergantung kepada penjagaan di katil dan berminat untuk menyertai Program Senyum Kasih, pendaftaran boleh dibuat dengan menghubungi talian +673 2380426 sambungan 146.

Pasukan pergigian akan menghubungi pemohon untuk mengesahkan kelayakan serta menetapkan jadual lawatan yang sesuai. Antara manfaat yang akan diperoleh adalah pemeriksaan kesihatan mulut secara profesional di rumah, panduan penjagaan kebersihan mulut yang betul dan pencegahan awal masalah kesihatan mulut.

BASMIDA anjur Majlis Membaca Tahlil, Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) baru-baru ini, mengadakan Majlis Membaca Tahlil bagi Ahli-ahli BASMIDA yang telah kembali ke rahmatullah dan

diselenggarakan dengan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Rumah BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji

Mohd. Ali.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Amir Hamzah bin Haji Mohd. Said, diikuti dengan Sayyidul Istighfar dan bacaan tahlil serta Doa Allah Peliharakan Sultan.

Yang Dipertua BASMIDA dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam

ucapannya mengongsikan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan dan menyemarakkan semangat perpaduan, kerjasama dalam menjalankan kegiatan kebajikan demi masyarakat.

Tambahnya, dengan kemeriahan Hari Raya ini jangan lupa untuk bersyukur atas segala nikmat dan jangan lalai dengan amalan kewajipan ibadah



جائتین قرآنخون ایکنومی دان سناتستیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



SESI bergambar ramai pada Majlis Membaca Tahlil bagi Ahli-ahli BASMIDA yang telah kembali ke rahmatullah dan diselenggarakan dengan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Rumah BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

KOMITED MEMPERLUASKAN KERJASAMA DALAM PELANCONGAN PENDIDIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 20 April. – Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, baru-baru ini telah menyertai NATAS Travel Fair 2026 selama tiga hari yang berlangsung di Republik Singapura dari 27 hingga 29 Mac 2026.

Sebagai pameran pelancongan berasaskan perniagaan kepada pengguna (B2C), penyertaan ini bertujuan untuk berinteraksi secara langsung dengan pelancong Republik Singapura, meningkatkan kesedaran destinasi, merangsang tempahan perjalanan segera, serta meletakkan Brunei sebagai destinasi pilihan untuk percutian jarak dekat.

Dengan mengetuai delegasi pihak berkepentingan pelancongan Brunei, jabatan tersebut mempamerkan pengalaman pelancongan terpilih yang direka khas untuk keluarga,

pasangan, pelajar dan pelancong berminat khusus yang mencari pengalaman bermakna dan autentik.

Di NATAS Travel Fair 2026, pavilion Brunei menampilkan pelbagai pengalaman pelancongan, daripada pengembaraan hutan hujan di Taman Negara Ulu Temburong dan safari sungai paya bakau, hingga tarikan Islamik dan budaya termasuk suasana Ramadan yang unik di masjid-masjid ikonik serta pengalaman makanan tradisional Brunei di keempat-empat daerah.

Selaras dengan usaha menjadikan Brunei sebagai hab serantau bagi pelancongan pendidikan, pelbagai program khusus berfokuskan pelajar turut ditawarkan, ini termasuk perjalanan pembelajaran berasaskan pengalaman yang merangkumi kajian alam sekitar, warisan Islam dan pertukaran budaya yang direka untuk memenuhi minat sekolah dan

institusi di Republik Singapura yang mencari pengalaman pembelajaran luar negara yang selamat, mudah diakses dan bernilai tinggi.

Pakej eksklusif turut dipromosikan bagi menggalakkan tempahan segera sepanjang pameran tersebut, antaranya termasuk Pakej Percutian Brunei Jet & Rest (3H2M) oleh Royal Brunei Airlines; Program Lawatan Pendidikan ke Brunei Darussalam 5H4M oleh Darussalam Services; Pakej Discover Brunei oleh Ghufuran Travel and Tours; Pakej Jelajah Sorotan Brunei 4H4M oleh AZ Back To Nature; Lawatan Sehari ke Taman Negara Ulu Temburong oleh Hasa Incentives; Program Pelancongan Pendidikan Brunei 4H3M oleh Bonasia Holiday; Pakej Pengalaman Muslim 3H2M oleh Freme Travel Services dan lain-lain lagi.

Selain itu, jadual perjalanan tersesuai yang menumpukan kepada pengembaraan eko, pelancongan Islamik dan program berfokuskan pelajar turut



PAVILION Brunei di NATAS Travel Fair 2026 menampilkan pelbagai pengalaman pelancongan, daripada pengembaraan hutan hujan di Taman Negara Ulu Temburong dan safari sungai paya bakau, hingga tarikan Islamik dan budaya.

diperkenalkan bagi memenuhi pelbagai minat pelancong.

Selepas pameran tersebut, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menganjurkan sesi jaringan perniagaan (B2B) bersama institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Republik Singapura.

Sesi yang diadakan di Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam di Republik Singapura ini menjadi platform bagi beberapa ejen pelancongan Brunei dan wakil Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam untuk memperkukuh kerjasama dalam pelancongan pendidikan.

Disokong oleh Suruhanjaya Tinggi Brunei di Republik Singapura, sesi ini selaras dengan penyertaan Brunei dalam NATAS Travel Fair 2026 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memposisikan negara sebagai destinasi pelancongan pendidikan.

Penglibatan ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh kerjasama serta mewujudkan momentum untuk menjadikan Brunei sebagai destinasi utama pelancongan pendidikan dalam kalangan pelajar kolej dan universiti.

Republik Singapura kekal sebagai salah satu daripada sepuluh pasaran utama Brunei Darussalam bagi ketibaan pelancong melalui udara, bersama

pasaran serantau lain.

Pada tahun 2025, Brunei mencatatkan 22,781 ketibaan pelancong dari Republik Singapura melalui udara.

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2026, Brunei merekodkan 2,301 ketibaan melalui udara berbanding 2,257 ketibaan dalam tempoh yang sama pada tahun 2025, menunjukkan peningkatan yang positif.

Jabatan Kemajuan Pelancongan terus giat mempromosikan Brunei Darussalam bukan sahaja di pasaran Republik Singapura tetapi juga di beberapa pasaran tambahan yang diperkenalkan tahun ini.

Usaha ini disokong oleh pelantikan wakil pemasaran antarabangsa di pasaran terpilih, perancangan kerjasama dengan agensi pelancongan dalam talian, serta potensi lawatan pengenalan (FAM trip) untuk ejen pelancongan dan mempengaruhi dalam bulan-bulan akan datang, bagi meningkatkan keterlihatan destinasi dan memastikan pertumbuhan pelancongan yang mampan.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan aktiviti pelancongan Brunei Darussalam, layari laman sesawang rasmi di www.bruneitourism.com atau ikuti Brunei Tourism di media sosial @bruneitourism.

Mempererat tali persaudaraan, ukhuwah dalam membangun Kampung Mulaut



MAJLIS Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri Kampung Mulaut bertujuan sebagai tanda syukur untuk terus sepakat dan seia-sekata dalam melaksanakan kegiatan berfaedah dan bermakna, mempererat lagi tali persaudaraan dan ukhuwah dalam membangun Kampung Mulaut yang harmonis.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Mulaut

MULAUT, Isnin, 20 April. – Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut telah mengadakan Majlis Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri Kampung Mulaut, baru-baru ini. Dalam ucapan Pengerusi Majlis, Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don juga selaku Timbalan Pengerusi MPK Mulaut menjelaskan tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk tanda bersyukur untuk terus sepakat dan seia-sekata dalam melaksanakan kegiatan berfaedah dan bermakna, mempererat lagi tali persaudaraan dan ukhuwah dalam membangun Kampung Mulaut yang harmonis dan saling mendukung bagi menjayakan rancangan dan kegiatan mulia serta berfaedah Kampung Mulaut.

Sementara, Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Hamizan bin Haji Mustapa juga Ketua Kampung Mulaut dalam ucapannya menjelaskan Aidilfitri bukan sekadar hari untuk berpakaian indah dan bergembira,

tetapi hari untuk menghidupkan kembali kasih sayang, memujuk kemaafan dan meneguhkan silaturahmi antara kita semua.

Beliau amat terharu melihat semangat perpaduan dan kebersamaan warga Kampung Mulaut dan semangat yang telah membawa kampung ini meraih

kejayaan sebagai Kampung Cemerlang bagi Zon 5.

Daripada hasil penilaian KPI di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, kejayaan ini adalah hasil tangan-tangan yang bekerja dengan ikhlas, daripada kepimpinan kampung hingga ke seluruh penduduk yang sama-sama menjayakan setiap usaha.



DARI MAHKAMAH

Miliki rokok : Seorang penduduk tetap didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND8,000 atau lapan bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Abdul Azim bin Othman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Wong Pak Tee, 73 tahun di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendan mengaku bersalah memiliki 10 karton rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Pemeriksa Kastam Pos Kawalan Kastam Kuala Lurah pada 1 Mac 2026 jam 9.40 pagi di lorong masuk Pos Kawalan Kastam Kuala Lurah.

Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan pelupusan.


**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 01 / 26 - 27
Unit Drama TV: Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Drama Bersiri (13 EP X 30 Mins) Dan Episode Hari Raya Aidilfitri (60 Min X 2 EP)

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 03 / 26 - 27
Unit Drama TV: Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Drama One-Off Sepanjang Tahun 2026

Bayaran Yuran:
(termasuk e-dokumen)
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas :
(Hardcopy)
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 April 2026,
jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003 (01-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (2 Years) For Cleaning (Building And Compound) And Grass Cutting For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) At Batang Duri And Belalong Camp, Temburong District

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang

**Notis Sebut Harga**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 06 / 26-27
Supply, Deliver, Install & Commissioning Of 30KVA Uninterrupted Power Supply (UPS) For POC-A Systems At Radio Television Brunei Broadcasting Complex Sungai Akar

Bayaran Yuran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
29 April 2026,
jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran:
1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027

Keterangan Projek :
Membekal dan Mencetak Naskah Buku Jadual Pembayaran Bahagian Pengurusan Aset Perniagaan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

2. Bilangan Tawaran:
3 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027

Keterangan Projek :
Membekal Kabinet-Kabinet Fail Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026

**Notis Sebut Harga**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 09 / 26-27
Ceiling Replacement Works At Main Building, Radio Television Brunei Broadcasting Complex Sungai Akar

Bayaran Yuran :
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
29 April 2026,
jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 - 2027 / 04 / SPA / 02

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Bagi Pembaikan Trak Sampah Dan Trak Sweeper Bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
05 / DBP / SH / 2026-2027
Tawaran Kenderaan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Sebanyak 3 Buah Bagi Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bagi Tempoh Lima (5) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 131 / 2025

Tajuk:
Provision For Electronic Overhead Travelling Crane Health Check, Rectification and Certification At DES Power Stations

Tarikh Tutup:
Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Sebut Harga:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran / Tender Box Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussala.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Bagi Perkhidmatan ROCBN

**Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:**

01 / DBP / SH / 2026-2027
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:

02 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan Papan Iklan Kain Rentang Dan Gegantung (Vertical Banner) Pesta Buku Brunei 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:

03 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan Reruai, Kelengkapan Dan Keperluan Pesta Buku Brunei 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:

04 / DBP / SH / 2026-2027
Khidmat Pengawal Keselamatan Pesta Buku Brunei 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / DEPOH / TA / 8016

Pembelian Alat Kelengkapan Pecah Belah Bagi Kegunaan VVIP Semasa Acara-Acara Rasmi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:
Selasa
5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 42 / 2026 / SSBH (TC)

Keterangan:
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Atlas COPCO Medical Compressed Air And Associated Accessories At Block C, Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan ATAU Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 43 / 2026 / JPR (TC)

Keterangan:
The Provision Of Housekeeping Services At Rimba Dialysis Centre, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 44 / 2026 / JPR (TC)

Keterangan:
The Provision Of Housekeeping Services At Tutong Dialysis Centre, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 45 / 2026 / UPP (TC)

Keterangan:
Supply, Delivery Installation, Testing And Commissioning Of Ophthalmic Laser

Photocoagulation System For Ophthalmology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 46 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Dental Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 47 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Local Anesthetic Cartridges For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 48 / 2026 / JPR (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumable Item (Disinfectant For Haemodialysis Machines) For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 49 / 2026 / JPK (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning

Services And Grass Cutting Services For Berakas Health Centres For A Period Of Three (3) Years Department Of Health Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 50 / 2026 / ESTETMOH

Keterangan:
Upgrading Works For Public Toilet At Ground Floor, Suri Seri Begawan Hospital Kuala Belait, Kementerian Kesihatan

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan DAN Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Kelas/Kategori: -
Kelas: II dan III
Kategori: B01, E01, KPB02 & KPB04

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 51 / 2026 / HTD

Keterangan:
Provision Of Reusable Rhinolaryngoscope System For ENT Department, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 52 / 2026 / JPKAS (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning Services For Health Screening Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
2000 And MAC 5 ECGS In Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 65 / 2026 / TUT(TC)
Supply And Delivery Of Medical Gases To PMMPMHAMB Hospital Tutong District For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 68 / 2026 / UPP (TC)
The Provision Of Scenting Services To Designated Areas In The Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 69 / 2026 / SSBH(TC)
The Provision Of Maintenance Services For Hydrotherapy Pool At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 70 / 2026 / ESTETMOH (TC)
Three (3) Years Term Contract For Building Maintenance To Block F Kg Kiarong, Block H Kg Kiulap,

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 53 / 2026 / PIHM(TC)

Keterangan:
The Provision Of Food And Drink Vending Machines Services At Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 54 / 2026 / PIHM (TC)

Keterangan:
The Cleaning Services For Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 56 / 2026 / ESTETRI PASH

Keterangan:
Repair And Waterproofing Work At Specialist Building 1, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 57 / 2026 / HTD

Keterangan:
Block C Kg Kiarong, Block B Kg Kiarong, Block Rimba Nursing Quarters, Block Rimba Housing And Bungalows Brunei Muara District, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 71 / 2026 / UPP
Supply And Delivery Of Attachments And Drill Bits For Conmed Orthopaedic Modular Drill, Orthopaedic Department (Operating Theatre) Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 72 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Rimba Dialysis Centre, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 73 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Ward 17 And Ward 18 (2nd Floor) RIPAS Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 74 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Tutong Dialysis Centre, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 75 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Hospital PIHM Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 76 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Hospital PIHM Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 10 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 11 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 April 2026



Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 75 / 2026 / HTD
To Replace The Reverse Osmosis Membrane And Rebedding Multi Media For Reverse Osmosis Water Treatment System At Temburong Renal Unit, Hospital PIHM Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 76 / 2026 / HTD
To PPM One Hundred And Thirty Nine (139) Units Of Fridge And Freezer In Department Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 77 / 2026 / DSS
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Stereomicroscope With Data Acquisition System For Physical Evidence Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
5 Mei 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 58 / 2026 / SSBH (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerated Air-Conditioning And Ventilation At Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 59 / 2026 / SSBH (TC)
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Fume Cupboard At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 60 / 2026 / LAB
To Facilitate ISO 15189 Accreditation Assessment Program (Program Penilaian Pengiktirafan ISO 15189 – Penilaian Pengawasan Pertama Bagi Tahun 2025 – 2029) For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 61 / 2026 / LAB(TC)
To Supply, Deliver And Commission A Laboratory Automation System On Equipment Rental Basis For Routine

Chemistry Testing, Including Reagents And Consumables For National Clinical Chemistry Reference Laboratory (RIPAS Hospital) And Clinical Chemistry Laboratory (PIHM Hospital), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Seven (7) Years

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 62 / 2026 / UPP(TC)
The Provision Of Housekeeping (Cleaning, Ground Maintenance, Laundry, Disposal Of Domestic & Clinical Waste Collection) And Watchman Services For The Circumcision Unit, No.11 Spg 253-54-6 Kg Kiarong, Mukim Gadong Be1318 For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 63 / 2026 / PPN(TC)
Supply And Delivery Of Orthodontic Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 64 / 2026 / HTD
The Provision Of Maintenance Services For GE Healthcare, MAC


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
28 April 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Mei 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam
Saliran Di Jalan
Bunga Simpung (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/
002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
K01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
28 April 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Mei 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 017 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Kolam
Takungan Di Daerah Belait Bagi
Tempoh 36 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-008

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Isnin, 16 Zulkaedah 1447H
bersamaan 4 Mei 2026M pada
jam 11.30 Pagi** untuk menjawab
tuntutan terhadap kamu oleh
plaintif yang dinamakan di atas,
yang mana butir-butir dalam
tuntutan itu seperti dinyatakan
dalam Penyataan Tuntutan yang
diendorskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintif suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
8 Syawal 1447H / 28 Mac 2026M

Meterai
Mohammad Arif Bin Haji Sabtu
Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Tarikh Tutup:
Selasa

19 Mei 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Kelas:
IV Dan V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa

5 Mei 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 08 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Hawa Dingin Di Bangunan Ibu
Pejabat Jabatan Kastam Dan
Eksais Diraja,
Jalan Menteri Besar

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM /
09 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Jentera Penghawa Dingin Di
Bangunan Undang-Undang,
Bandar Seri Begawan
[Replacement Works Of Air
Conditioning System Chiller At
Law Building,
Bandar Seri Begawan

No. Projek :
JKR / DME / ACM3 / LB / 2026 /
AM149

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Edit, Design And
Print The National
Coral Reef Monitoring
And Management
Plan Booklet

Tarikh Tutup:
Khamis,
30 April 2026



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan, Penyediaan
dan Penghantaran Jamuan
dan Food Packs Sempena
MYCE 2026 Bagi Acara
Ekspedisi Di Ibu Pejabat
Jabatan Perikanan Selama
Empat (4) Hari Pada 2, 4 - 6 Mei
2026 dan Acara Persidangan
Di Universiti Brunei Darussalam
Selama Enam (6) Hari Pada
28 Mei, 30 Mei, 2 - 5 Jun 2026

Tarikh Tutup:
Khamis,
30 April 2026


**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**
PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditadkan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn


**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)**
Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada
orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat
dengan Perkhidmatan Awam Negara
Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa
SPA dan Luar Negeri


Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Kementerian
atau jabatan dimana kekosongan
jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA


Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi
Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang
sedang berkhidmat di Perkhidmatan
Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA


**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Kanun Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah,
Penggala 237**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam**

Kes Mal Bilangan :
KB / MRS / MAL-B / S006A /
0021 / 02-2026

Antara

**Mohamad Fairuz bin Awang
Muda - Plaintif
- Plaintif / Pemohon**

Dan

**Norul Ehsan Binti Haji Yahya -
Defendan
- Defendan / Responden**

**Tuntutan :
Penceraian Dengan Talaq Atau
Dengan Perintah**

Kepada : **Norul Ehsan Binti Haji
Yahya (Defendan yang
dinamakan di atas) yang tidak
diketahui keberadaannya.**

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Belait pada



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
To Supply, Install & Replacing Of Faulty Power Cable Lighting And Additional Street Light Pole At BHS Road Area - Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-09
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Kontrak Pemeliharaan Sistem-Sistem Penghawa Dingin Di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Selama Enam (6) Bulan. – FSOR
AME / 2025-2026 / SH-12
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
To Service Generators Including Air Circuit Breaker And Main Switchboards At Brunei International Airport.
AME / 2026-2027 / SH-13
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For 24 Months Maintenance Of Skylight Roof At ATC Tower
AME / 2026-2029 / SH-14
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For One (1) Year Civil Works Maintenance At Department Of Civil Aviation - FSOR
AME / 2026-2029 / SH-15
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Work Of External Piping & Associated Works At Department Of Civil Aviation - FSOR
AME / 2026-2029 / SH-16
(Kelas II atau ke atas)



Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Of Internal Piping & Associated Works At Jabatan Penerbangan Awam – FSOR
AME / 2026-2029 / SH-17
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For 12 Months Maintenance Work On Roofing Leakages At Brunei International Airport – FSOR
AME / 2026-2029 / SH-18
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Pembasmian Serangga Atau Binatang Perosak Dan Lain-Lain (Pest Control) Di Bangunan-Bangunan Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
(Kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
Term Contract For Rodent Control & Spraying For Cockroaches, Mosquito & Termites Control At Terminal Building, Brunei International Airport For A Period Of 2 Years (24 Months)
(Kelas II atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran / Sebut Harga:
Rabu
22 April 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa
5 Mei 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu
6 Mei 2026

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DCA / CCS / 2026 / T1
To Develop And Operate Food & Beverages / Gift Or Souvenir Retail Outlet At Brunei International Airport
Tarikh Tutup:
Selasa
19 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada **Khamis, 30 April 2026.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 07 / 2026 - 2027
To Supply and Deliver Antimicrobial Reference Standards and Supplementary Items For Antimicrobial Resistance Surveillance

2. JPt / SH / 08 / 2026 - 2027
Replacements, Installations and Commissioning of One (1) Unit Compressed Air Generator For Shimadzu AAS-7000



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 01

Tajuk Tawaran:
“Event Management Services for BIMP-EAGA Seminar and JWG Bilateral Meeting, Brunei Darussalam, 1 – 2 July 2026”

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
Pembayaran adalah secara dalam talian

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
30 April 2026,
jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2026-2027 / 1
Event Management Services For Brunei Coffee Trail 2026 In Miri, Sarawak, Malaysia

Tarikh Tutup:
Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


Yuran Setiap Satu Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



**PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

MENGERATKAN SILATURAHIM, MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN KOMUNITI

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

KERIAM, Isnin, 20 April. - Majlis Perundingan Kampung Keriam, Takmir Masjid Kampung Keriam dan Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) Tutong buat julung-julung kalinya berkolaborasi mengendalikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kampung Keriam baru-baru ini meskipun Syawal baru melabuhkan tirainya pada kali ini.

Justeru pada majlis berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Keriam, Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan dalam alu-aluannya antara lain memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada malam yang penuh bermakna itu dan berlangsung dengan jayanya dalam suasana harmoni.

"Ini mencerminkan semangat perpaduan, kerjasama dan kesepakatan dalam kalangan masyarakat Kampung Keriam.

"Majlis seperti ini bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya, malah sebagai platform untuk mengeratkan silaturahmi dan memperkukuhkan hubungan dalam komuniti kita," katanya lagi.

Majlis berkenaan diserikan lagi dengan kehadiran Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Superintendent Haji Irfam bin Haji Muhd. Arshad dan isteri selaku tetamu kehormat.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga menyampaikan sivil penghargaan kepada beberapa sukarelawan yang prihatin dan berjasa semasa kejadian banjir di

Kampung Keriam baru-baru ini.

Sehubungan itu, Awang Haji Bahrin menyatakan penghargaan itu sebagai tanda terima kasih atas pengorbanan dan sumbangan mereka dalam membantu masyarakat ketika saat yang mencabar.

Beliau seterusnya menzahirkan penghargaan terima kasih kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, khususnya Bahagian Pengawasan Kejiranan Daerah Tutong atas kerjasama yang berterusan bersama pihak kampung.

"Hasil kerjasama ini, setakat dua tahun kebelakangan sebanyak dua kes jenayah telah berjaya diselesaikan dan lima orang telah ditangkap.

"Ini menunjukkan betapa pentingnya kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat dalam memastikan keselamatan kampung kita," tambahnya lagi.

Acara Sambutan Aidilfitri dimeriahkan dengan persembahan - persembahan daripada wakil AJK Takmir MKK, gabungan MPKK, AJK Takmir MKK, PESAKA selain daripada pertandingan busana raya dan cabutan bertuah.

Turut hadir, Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abdul Karim, Ahli Penasihat Takmir Masjid Kampung Keriam, Dato Paduka Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, Awang Haji Ahmad bin Haji Rani, Ahli Penasihat Majlis Perundingan Kampung Keriam, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar, Ahli Penasihat Persatuan Melayu Keriam PESAKA Tutong.



HADIR selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong dan isteri.



Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Rebung Masak Lemak Cili Padi

Kampung Batang Tuau, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :
 2 kotak rebung
 7 biji lada padi
 3 biji bawang merah
 3 biji bawang putih
 7 ekor udang hidup
 5 jagung
 Bayam Nuhur
 Garam
 Serbuk Perasa / gula (Ikut cita

rasa)
 Sedikit minyak untuk menumis
 Santan Kara 200ml pakai setengah kotak sahaja

CARA-CARA MEMASAK :
 Panaskan kuili dan masukan minyak. Bila sudah panas masukan bawang yang dihiris tadi bersama cili padi. Bila sudah

naik bau masukan rebung, bayam Nuhur dan jagung lalu digaulkan. Kemudian masukan air. Bila sudah mendidih, masukan garam, serbuk perasa atau gula. Masukan udang. Kemudian masukan santan dan biarkan mendidih sekejap. Bolehlah dihidang setelah siap.

Eratkan silaturahmi, zahir kesyukuran sesama ahli BVBC



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B', yang juga merupakan salah seorang pemain BVBC hadir selaku tetamu kehormat di acara berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Bengkurong Veteran Badminton Community

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Bengkurong Veteran Badminton Community (BVBC) semalam mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi ahli-ahli BVBC yang merupakan antara acara tahunan yang diraikan.

Selain untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama ahli, ia juga bagi menzahirkan rasa kesyukuran dan keharmonian dalam suasana perayaan dan kemenangan.

Atur cara diisi dengan ucapan Presiden BVBC, Awang Haji Mohd. Aliddin bin Haji Kura, diikuti dengan bacaan Doa Selamat, jamuan serta beberapa persembahan nyanyian di kalangan ahli bagi memeriahkan lagi suasana sambutan Hari Raya.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B', yang juga merupakan salah seorang pemain BVBC.

Majlis diadakan di salah sebuah restoran di Kampung Bengkurong.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 17 RABU 27 APRIL, 1966 1386 رابو 7 محرم PERCHUMA

LATEHAN KESELAMATAN DI-ADAKAN DI-SELUROH BRUNEI PADA HARI INI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan² Pulis Diraja Brunei dan Pasokan² Bersenjata akan mengadakan suatu latehan keselamatan dalam negeri di-seluruh negara pada hari ini.

Latehan tersebut, di-beri nama "LATEHAN ORANG HUTAN" akan di-mulai dari jam 7-30 pagi hingga ka-jam 4 petang.

MEMPEROLEHI DEGREE B.A.



Awang Abdul Rahman bin Mohamed Taib, B.A.

BANDAR BRUNEI — Awang Abdul Rahman bin Mohamed Taib, dari Negeri Brunei, telah berjaya memperolehi Degree "Bachelor of Arts" (Honours) dalam pengajian Melayu (Ilmu Bahasa) dari Universiti Malaya baru² ini.

Awang Abdul Rahman, berumur 23 tahun, ia-lah anakenda Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, Penulong Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Beliau ia-lah sa-orang penuntut tua Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Awang Abdul Rahman telah melanjutkan pelajaran di-Universiti Malaya atas beasiswa Kerajaan Brunei pada tahun 1963 dan telah memasoki pereksaan bagi memperolehi Degree B.A. di-Universiti tersebut dalam bulan Januari tahun ini.

Jalan² raya akan di-tutup pada masa "Latehan Orang Hutan" itu di-jalankan. Bagaimana pun, orang ramai akan di-benarkan meneruskan perjalanan mereka sa-lepas kad² pengenalan mereka di-pereksa oleh pehak² yang berkenaan.

"Latehan Orang Hutan" itu akan di-jalankan dengan tidak menyusahkan orang ramai, sungguh pun Pasokan² Pulis dan Tentera akan di-lihat bergerak dari satu tempat ka-tempat yang lain.

Orang ramai ada-lah di-min-ta bekerjasama dengan pehak² yang berkenaan dan jangan-lah berasa takut ketika melihat Pasokan² Pulis dan Tentera bergerak pada masa di-adakan "Latehan Orang Hutan" itu pada hari ini di-seluruh Negeri Brunei.

Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang kelihatan dalam gambar ini semasa beliau tiba di-Amo, Daerah Temburong pada pagi hari Sabtu 16 April, 1966 untuk merasmikan pembukaan Balai Raya Amo.



PERJUMPAAN PANDU² PUTERI SA-NEGERI BRUNEI


BANDAR BRUNEI—Pandu² Puteri dan Browni dari seluruh Negeri Brunei akan mengadakan satu Perjumpaan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada hari Sabtu 30 April, 1966 mulai dari jam 2 petang hingga ka-jam 5 petang.

Berbagai² jenis pertunjukan akan di-adakan di-temasha tersebut oleh Pasokan² Pandu Puteri, Browni, Palang Merah dan Pengakap².

Pancharagam Pulis Diraja Brunei akan bermain di-temasha tersebut. Orang ramai adalah di-jemput ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada petang hari tersebut.

Ini-lah kali yang pertama Pandu² Puteri dan Browni² dari seluruh negeri ini mengadakan perjumpaan tersebut.

Tujuan di-adakan perjumpaan itu ia-lah untuk merapatkan perpaduan antara semua anak² perempuan yang berkhidmat dalam Pertubohan² Pandu Puteri dan Browni di-Negeri Brunei.



Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah

PENGELOLA RANCHANGAN BELIA KA-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Pengelola Ranchangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah akan bertolak menuju Singapura tengah hari ini dengan kapal terbang dalam perjalanan-nya ka-Amerika Sharikat untuk menjalani kursus pentadbiran belia di-sana atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Awang Zulkiflie akan berada di-Amerika Sharikat sa-lama 4 bulan dan kursus itu akan diadakan di-Ohio, atas anjoran Majlis Ranchangan Antara Bangsa untuk ketua² belia dan pekerja² kebajikan masyarakat, Amerika Sharikat.

Kursus tersebut di-adakan ada-lah untuk pemimpin² belia dan pekerja kebajikan masyarakat dalam perkara chara² mentadbirkan pusat belia dan pertubohan² belia.

Ketika di-temui semalam, Awang Zulkiflie, di-samping menyatakan kegembiraan-nya atas peluang itu, telah juga menyatakan hasrat-nya untuk memimpin belia² di-negeri ini ka-arah satu chita² ia-itu berguna untuk bangsa dan negara.

Kata-nya, "Segala pengalaman dan pelajaran yang di-perolehi dalam kursus itu nanti akan saya buat sa-bagai satu sandaran untuk menchapai chita² itu".



Bumi lestari, kehidupan terpelihara

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
 Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

SETIAP tahun pada 22 April, masyarakat di seluruh dunia memperingati Hari Bumi Sedunia sebagai wadah penting untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Sambutan ini bukan sekadar simbolik, malah merupakan satu seruan global yang mengajak setiap individu, komuniti, organisasi dan kerajaan untuk berganding bahu dalam memastikan kelestarian bumi yang menjadi tempat tinggal bersama.

Dalam era globalisasi dan pembangunan pesat, manusia sering berdepan dengan dilema antara kemajuan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Aktiviti perindustrian, pembalakan, penggunaan bahan api fosil serta gaya hidup yang tidak lestari telah menyumbang kepada pelbagai masalah alam sekitar. Antaranya termasuk peningkatan suhu global, kejadian cuaca ekstrem seperti banjir dan kemarau, serta pencemaran yang menjejaskan kesihatan manusia dan kehidupan lain.

Isu perubahan iklim global

Perubahan iklim merupakan antara isu utama yang sering diketengahkan dalam Sambutan Hari Bumi Sedunia. Fenomena ini berlaku akibat peningkatan gas rumah hijau seperti karbon dioksida yang sebahagian besarnya berpunca daripada aktiviti manusia. Kesan perubahan iklim bukan sahaja dirasai oleh negara maju, malah turut memberi impak kepada negara membangun, termasuk dalam bentuk kenaikan paras laut dan gangguan terhadap sumber makanan.

Masalah pencemaran plastik

Selain itu, pencemaran plastik juga menjadi cabaran besar pada masa kini. Penggunaan plastik sekali guna yang berleluasa telah menyebabkan longgokan sisa yang sukar dilupuskan. Plastik yang dibuang ke laut bukan sahaja mencemarkan persekitaran, malah mengancam kehidupan marin seperti ikan, penyu dan sebagainya. Keadaan ini menuntut perubahan sikap dan amalan dalam kalangan masyarakat untuk

mengurangkan penggunaan plastik serta mengamalkan kitar semula.

Pendidikan alam sekitar memainkan peranan yang amat penting. Masyarakat perlu didedahkan sejak awal tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui kurikulum pendidikan, kempen kesedaran dan aktiviti komuniti. Pengetahuan yang mencukupi akan membantu membentuk sikap dan nilai yang positif terhadap alam sekitar, seterusnya mendorong tindakan yang bertanggungjawab.

Tanggungjawab individu dalam pemeliharaan alam

Peranan individu dalam memelihara alam sekitar tidak boleh dipandang remeh. Setiap orang boleh menyumbang melalui amalan harian seperti mengurangkan penggunaan elektrik dan air, mengasingkan sisa untuk dikitar semula, menggunakan pengangkutan awam atau berkongsi kenderaan, serta membawa beg kitar semula ketika membeli-belah. Walaupun tindakan ini kelihatan kecil, namun jika dilakukan secara konsisten dan meluas, ia mampu memberikan impak yang besar.

Mengapa bumi perlu dijaga?

Bumi ialah tempat tinggal kita dan merupakan satu-satunya planet yang didiami manusia. Semua keperluan asas seperti udara, air, makanan dan tempat tinggal bergantung kepada alam sekitar yang sihat. Jika bumi rosak, kehidupan manusia turut terjejas.

Selain itu, alam sekitar yang bersih dapat menjamin kesihatan manusia. Pencemaran udara boleh menyebabkan masalah pernafasan, manakala air tercemar boleh membawa pelbagai penyakit berbahaya. Oleh itu, menjaga bumi bererti menjaga kesihatan kita sendiri.

Di samping itu, bumi bukan hanya milik manusia, tetapi juga habitat kepada pelbagai jenis haiwan dan tumbuhan. Jika alam sekitar tidak dipelihara, banyak spesies akan pupus dan keseimbangan ekosistem akan terganggu.

Seterusnya, penjagaan alam sekitar dapat membantu mengurangkan kesan perubahan iklim. Aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil dan penebangan hutan menyumbang kepada pemanasan global. Dengan menjaga bumi, kita dapat mengurangkan kesan seperti banjir, kemarau dan cuaca ekstrem.

Tambahan pula, menjaga bumi merupakan tanggungjawab kita terhadap generasi akan datang. Kita perlu memastikan mereka dapat menikmati alam sekitar yang sama atau lebih baik. Jika kita tidak bertindak sekarang, mereka akan mewarisi bumi yang rosak dan tidak selamat.

Akhir sekali, pengurusan sumber alam secara bijaksana penting bagi menjamin kelangsungan bekalan. Sumber seperti air, hutan dan mineral adalah terhad. Dengan pengurusan yang cekap, sumber ini dapat dimanfaatkan secara berterusan tanpa menjejaskan generasi masa depan.

Sambutan Hari Bumi Sedunia juga sering diisi dengan pelbagai aktiviti seperti penanaman pokok, kempen kebersihan, seminar dan program kesukarelawanan. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran, malah memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat secara langsung dalam usaha memelihara alam sekitar. Ia juga dapat memupuk semangat kerjasama dan rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan peserta.

Di Negara Brunei Darussalam, kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar semakin meningkat. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mempromosikan amalan lestari, termasuk kempen pengurangan penggunaan plastik dan program penghijauan. Namun demikian, usaha ini memerlukan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat bagi memastikan keberkesannya.

Hakikatnya, bumi yang kita diami ini bukanlah warisan daripada generasi terdahulu semata-mata, sebaliknya merupakan amanah untuk generasi akan datang. Oleh itu, setiap tindakan yang kita ambil hari ini akan memberi kesan kepada masa depan. Sikap sambil lewa terhadap alam sekitar hanya akan membawa kepada kemusnahan yang sukar dipulihkan.

Sebagai kesimpulan, Hari Bumi Sedunia bukan sekadar satu peringatan tahunan, tetapi merupakan satu seruan untuk bertindak secara berterusan dalam memelihara alam sekitar. Tanggungjawab ini tidak terletak pada satu pihak sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak tanpa mengira latar belakang. Dengan kesedaran, pengetahuan dan tindakan yang bersepadu, kita mampu memastikan bumi ini kekal lestari dan selamat untuk didiami oleh generasi kini dan akan datang.



PERSEMBAHAN MUZIKAL JIS TAMPILKAN KARYA KREATIF BERKONSEPKAN ALAM SEMULA JADI



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

JERUDONG, Isnin, 20 April. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) menganjurkan Gala Muzik tahunannya, menghimpunkan pelajar dari seluruh sekolah untuk persembahan petang yang diilhamkan oleh keindahan dan kuasa alam semula jadi.

Gala tersebut menampilkan program muzik vokal dan instrumental yang dipersembahkan oleh pelajar dari Tahun 3 hingga Tahun 13.

Konsert tersebut menampilkan bakat muzik dalam komuniti JIS, dengan kumpulan, pemain solo



KONSERT tersebut menampilkan bakat muzik dalam komuniti JIS, dengan kumpulan, pemain solo dan kumpulan vokal mempersembahkan karya yang meneroka tema yang diambil dari alam semula jadi (atas dan kiri).

dan kumpulan vokal mempersembahkan karya yang meneroka tema yang diambil dari alam semula jadi.

Program ini membawa penonton dalam perjalanan muzik yang pelbagai, daripada gubahan dan ekspresif kepada karya yang lebih dinamik dan bertenaga, mencerminkan ketenangan dan tenaga persekitaran semula jadi, di mana setiap persembahan menonjolkan kreativiti dan kerjasama pelajar yang terlibat.

Dimulai dengan persembahan khas untuk lebih 290 pelajar dari

sekolah lain, mengalu-alukan tetamu dari Sekolah Menengah Chung Ching, Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana, Sekolah Stella dan Sekolah Panaga, serta Sekolah Menengah Antarabangsa Riam Hill dari Miri, Sarawak, JIS mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan terima kasih kepada sekolah-sekolah tersebut kerana meluangkan masa untuk menyertai konsert berkenaan.

Pengarah Gala Muzik, Rob Wilkinson, mengulas: "Gala Muzik baru-baru ini merupakan acara

yang istimewa bagi dedikasi dan kerja keras pelajar kami.

"Di JIS, pelajar secara konsisten melaburkan jumlah masa dan usaha yang luar biasa untuk membuat persembahan, dan ini benar-benar menghiburkan.

"Ia sentiasa menjadi keistimewaan untuk bekerja bersama mereka, dan kami terus diilhamkan oleh keyakinan, komitmen dan kesediaan mereka untuk menerima projek berskala besar tersebut".

Pengetua Eksekutif, Nicholas Sheehan, menambah: "Sungguh mengembirakan menyaksikan pelajar kami membawa kreativiti dan semangat sedemikian ke Gala Muzik.

"Acara ini bukan sahaja mempamerkan bakat muzik mereka tetapi juga mencerminkan komitmen yang lebih luas di JIS untuk menyediakan pengalaman yang memperkaya serta memberi inspirasi, mencabar dan menyatukan komuniti sekolah kami".

Terima kasih kepada seluruh komuniti kami atas sokongan dan komitmen berterusan mereka kepada JIS.

Urus masa dengan betul elak tekanan dalam kalangan pelajar



AWANG Mohammad Nursyahmi bin Mohammad Hilmi dan Dayang Dalilah Bazilah binti Md. Zul-Izzi semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Tekanan dalam kalangan pelajar bukanlah satu isu baharu, namun realitinya semakin membimbangkan apabila semakin ramai yang berdepan dengan cabaran mengurus tuntutan akademik dan kehidupan seharian.

Beban tugas yang tinggi, pengurusan masa yang kurang efektif menjadi punca utama tekanan ini.

Perkara demikian dipersetujui oleh Dayang Dalilah Bazilah binti Md. Zul-Izzi yang menjelaskan bahawa punca utama tekanan dalam kalangan pelajar adalah beban tugas akademik yang tinggi, pengurusan masa yang salah dan tekanan daripada harapan diri sendiri dan orang lain untuk berjaya.

Selain itu, tidak tahu cara mengimbangi masa belajar dan berehat juga menyumbang kepada tekanan di kalangan pelajar.

"Tekanan boleh menyumbang kepada kekurangan fokus, kekurangan tenaga, hilang motivasi dan keputusan akademik yang menurun. Walau bagaimanapun, tekanan, kalau tidak berlebihan, malah menjadi pendorong untuk menggandakan usaha," ujarnya.

Cara yang biasanya dilakukan untuk mengurangkan tekanan adalah mengurus masa dengan betul, cukup rehat, melakukan hobi

dan juga memberi tahu masalah yang sedang dihadapi kepada rakan dan keluarga.

Beliau turut mengongsikan saranan agar para pelajar lain untuk tidak menanggungkan kerja, cuba mengimbangi waktu belajar dan sosial serta waktu rehat dan membuat jadual matlamat yang boleh diurus.

Selain itu, tambahnya, pelajar lain dinasihatkan untuk melakukan aktiviti yang diminati untuk membantu menenangkan fikiran.

Bagi Awang Mohammad Nursyahmi bin Mohammad Hilmi pula, punca utama tekanan dalam kalangan pelajar sebahagiannya daripada kerja sekolah yang banyak, ekspektasi keluarga dan lain lain.

Tambahnya, ini boleh menyebabkan kehilangan motivasi untuk belajar serta kurang fokus terhadap pelajaran.

Justeru para pelajar jelasnya, perlu mengambil masa untuk melakukan aktiviti yang dapat mengurangkan tekanan seperti bersukan, berjumpa kawan-kawan dan bersiar-siar.

Awang Mohammad Nursyahmi turut mencadangkan agar para pelajar tidak terlalu fokus akan benda yang dapat meningkatkan tekanan seperti risau akan kegagalan dalam pembelajaran dan memenuhi ekspektasi orang lain sehingga tidak mengukur di badan sendiri.

Peluang bertemu, beramah mesra bersama ahli veteran PGGMB 4 daerah



SEKITAR Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Wafa Hotel, Annajat Complex, Beribi (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini di Wafa Hotel, Annajat Complex, Beribi.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan PGGMB yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga besar PGGMB dari

keempat-empat daerah, di samping memberi peluang untuk bertemu dan beramah mesra bersama ahli-ahli veteran serta memeriahkan lagi bulan Syawal selepas sebulan menunaikan ibadah puasa.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin

Pengiran Haji Mohammad; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman; Ahli Jawatankuasa Tadbir PGGMB, ahli-ahli PGGMB, guru-guru serta kakitangan Ibu Pejabat PGGMB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan lagu rasmi PGGMB.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis.

Pelbagai persembahan menyeronokkan sambutan, antaranya daripada Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (JKTT) PGGMB, wakil cawangan dan zon dari keempat-empat daerah, serta guru-guru sekolah PGGMB.

Turut memeriahkan majlis ialah cabutan nombor bertuah, pertandingan pakaian *outstanding* bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan, serta penyampaian hadiah utama.

Acara berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan warga PGGMB. Diharapkan silaturahim, kerjasama dan komitmen dalam kalangan ahli akan terus kukuh demi memajukan PGGMB pada masa hadapan.



PERKUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK DALAM KALANGAN PENUNTUT



PEMANGKU Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan hadir menyampaikan taklimat berkenaan (kanan). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada program tersebut.

menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai kuiz kenegaraan bagi menguji dan menambah kefahaman mengenai kandungan taklimat.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan kepada para penuntut yang menyertai kuiz berkenaan dan disampaikan oleh Guru Kanan sekolah, Awang Haji Zaidi bin Mohidin.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

RIMBA, Isnin, 20 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Qa'ah A'mah (Dewan Serbaguna) Sekolah Arab Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (SASHHB), di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Seramai 168 orang penuntut dari Tahun 7 SASHHB serta guru kanan dan para tenaga sekolah menyertai taklimat berkenaan.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga

Seorang ahli PEMODA sertai 'Pakistan Blossom Ride'

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Seorang Ahli Kehormat Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA), Awang Haji Abu Bakar bin Haji Md. Arshad, bakal mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila menyertai ekspedisi menunggang motosikal secara solo ke Republik Islam Pakistan dalam program bertemakan 'Pakistan Blossom Ride'.

Penyertaan berkenaan diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-42 serta sebagai usaha mempromosi Tahun Melawat Brunei 2027 di peringkat antarabangsa.

Menurut Awang Haji Abu Bakar, ekspedisi berkenaan akan menghimpunkan para penunggang daripada beberapa buah negara termasuk Republik Singapura, Malaysia, Nepal dan Republik Islam Pakistan, meskipun sebahagian peserta masih belum dikenal pasti.


Tambahnya lagi, perjalanan dijadualkan bermula pada 18 April hingga 6 Mei 2026, dengan laluan merangkumi Islamabad, Skardu, Gilgit, Passu, Besham, Mansehra dan Khunjerab National Park yang terletak

pada ketinggian 4,706 meter dari aras laut (15,439 kaki), antara laluan mencabar di rantau berkenaan.

Beliau berharap ekspedisi berkenaan akan berjalan lancar serta dapat memperkenalkan NBD kepada masyarakat dunia melalui semangat

kesukuan dan pengembaraan.

Awang Haji Abu Bakar yang berpengalaman luas dalam pengembaraan bermotosikal sebelum ini pernah menaiki pelbagai destinasi antarabangsa termasuk rantau Borneo ASEAN, Republik India, Qatar, Republik Rakyat China, Jepun, Mongolia, Nepal serta 20 buah negara di Eropah.



AWANG Haji Abu Bakar bin Haji Md. Arshad dengan bendera Negara Brunei Darussalam mewakili Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) (atas). Manakala gambar kiri, Awang Haji Abu Bakar dengan bendera PEMODA di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum berangkat.



Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti, iaitu syarikat dan individu yang tidak dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Alert List berkenaan dikeluarkan bagi meningkatkan kewaspadaan orang ramai dan mengelakkan salah tanggapan bahawa individu atau syarikat yang disenaraikan adalah dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB adalah seperti berikut, iaitu Netherex Pro; Nuur Fa'atimah (Facebook) / mrs.nf (TikTok) / +673 7401384; Syaqrh AS (Facebook) / Syaqrh.settlementbn (TikTok) / +673 8253001; @garudajava / +673 7443777; Pika Cho (FB Profile) / +673 8921400; Pinjaman Wang Cepat Brunei / E-Loan Brunei / Easy Loan Brunei Darussalam (TikTok) / +601163576001; Triple Sss Loan Settlement / @tripless28 (FB Profile); dan @beautyfi.bn (IG Profile & TikTok) / +673 7329463.

Alert List BDCB yang telah dikemas kini boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pengirisan wang, penukaran wang, pinjaman wang dan perkhidmatan pajak gadai.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesenkan atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen, sila hubungi BDCB di talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel fcf@bdc.gov.bn atau Talian Bantuan Anti Penipuan 16993.

THAILAND KELUAR AMARAN CUACA PANAS, SUHU DIJANGKA CECAH 43 DARJAH CELSIUS



BANGKOK, 21 April. - Thailand sedang mengalami cuaca panas melampau yang berpanjangan, dengan suhu di sesetengah kawasan dijangka mencecah 42 hingga 43 darjah Celsius, sekali gus meningkatkan risiko penyakit berkaitan haba, khususnya strok haba.

Timbalan Jurucakap Kerajaan Lalida Persvivatana berkata cuaca panas yang bermula sejak penghujung Februari itu dijangka

berterusan hingga pertengahan Mei, dengan suhu di seluruh negara terus meningkat sepanjang April.

Beliau berkata indeks haba di kawasan tertentu boleh mencecah sehingga 60 darjah Celsius, sekali gus menimbulkan risiko serius terhadap kesihatan awam.

"Individu yang mempunyai masalah kesihatan sedia ada seperti tekanan darah tinggi dan diabetes perlu mengambil langkah

berjaga-jaga tambahan ketika cuaca panas," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Lalida menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan pendedahan berpanjangan kepada cahaya matahari secara langsung, memastikan pengambilan air mencukupi dan memantau keadaan kesihatan masing-masing dengan teliti.

"Mereka yang mengalami gejala seperti suhu badan tinggi, kulit

kemerahan, tidak berpeluh, pening, loya, muntah, degupan jantung laju, kekeliruan, keletihan atau tidak sedarkan diri perlu segera mendapatkan rawatan perubatan atau menghubungi talian kecemasan 1669," kata beliau.

Data daripada sistem Digital Disease Surveillance (DDS) milik Jabatan Kawalan Penyakit menunjukkan sebanyak 182 kes penyakit berkaitan haba direkodkan pada 2025, dengan 59.3 peratus melibatkan lelaki.

Jumlah kes tertinggi dicatatkan dalam kalangan individu berumur 15 hingga 34 tahun, iaitu 78 kes, diikuti 29 kes dalam kalangan mereka berumur 60 tahun ke atas.

Kira-kira 53.3 peratus daripada mereka yang terjejas ialah pekerja di lapangan, dengan keadaan lazim termasuk keletihan akibat haba, pitam, kekejangan dan strok haba. - ©BERNAMA

2 maut, 11 cedera dalam kebakaran besar di pelabuhan sungai Republik Kesatuan Myanmar

ISTANBUL, 21 April. - Sekurang-kurangnya dua maut manakala 11 lagi cedera dalam kebakaran besar yang berlaku di sebuah pelabuhan sungai di Wilayah Sagaing, barat laut Republik Kesatuan Myanmar, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan pada Selasa.

Kebakaran tercetus pada petang Isnin di pelabuhan berhampiran sebuah biara di Perbandaran Homalin, sebelum merebak dengan

pantas ke arah kapal-kapal dan kenderaan berhampiran, lapor media tempatan Mizzima.

Saksi berkata sekurang-kurangnya 22 bot bermotor dan dua kenderaan musnah apabila api yang marak menyelubungi kawasan berkenaan.

Pihak berkuasa dan pasukan penyelamat bergegas ke tempat kejadian dengan mengerahkan beberapa jentera bomba bersama unit bomba tempatan.

Bagaimanapun, penduduk melaporkan bahawa api masih marak sehingga ke keesokan paginya.

Laporan awal menunjukkan kebakaran berkemungkinan berpunca semasa proses pengisian bahan api, manakala kuantiti bahan api yang banyak yang disimpan di dalam bot terlibat memburukkan lagi keadaan serta mencetuskan letupan. - ©BERNAMA

Gempa bumi 7.7 skala Richter gegar timur laut Jepun, tsunami setinggi 80cm direkodkan di pantai Pasifik

TOKYO, 21 April. - Gempa bumi berukuran 7.7 pada skala Richter melanda timur laut dan utara Jepun pada Isnin, menyebabkan tsunami setinggi hingga 80 sentimeter (cm) di pantai Pasifik di wilayah berkenaan.

Agensi cuaca menasihatkan orang ramai agar berwaspada berikutan peningkatan risiko gempa bumi kuat dalam tempoh seminggu akan datang.

Menurut Kyodo News, amaran tsunami yang dikeluarkan bagi kawasan pantai di wilayah Hokkaido, Aomori dan Iwate kemudian diturunkan kepada nasihat tsunami.

Menjelang tengah malam, nasihat itu, bersama nasihat bagi wilayah Miyagi dan Fukushima, ditarik balik.

Tsunami setinggi 80 sentimeter melanda Pelabuhan Kuji di wilayah Iwate pada 5.34 petang, kira-kira 40 minit selepas gempa, menurut Agensi Meteorologi Jepun, yang pada awalnya meramalkan ombak tsunami setinggi hingga tiga meter.

Selepas gempa bumi melanda luar pesisir pantai Sanriku di Iwate, agensi berkenaan mengeluarkan amaran khas selama seminggu meliputi 182 majlis perbandaran di tujuh wilayah dari Hokkaido hingga Chiba berikutan peningkatan risiko satu lagi gempa kuat.

Ini merupakan kali kedua amaran itu dikeluarkan sejak sistem berkenaan mula beroperasi pada Disember 2022.

Kali pertama ialah pada Disember tahun lalu, susulan gempa berukuran 7.5 pada skala Richter di luar pantai timur wilayah Aomori.

Sistem amaran itu, yang dikenali sebagai "Off the Coast of Hokkaido and Sanriku Subsequent Earthquake Advisory", dibangunkan berdasarkan pengajaran daripada gempa bumi berukuran 9.0 pada skala Richter yang memusnahkan timur laut Jepun pada 11 Mac 2011.

Pejabat Kabinet menggesa orang ramai supaya tidak menyebarkan maklumat palsu, sama ada secara tidak sengaja

atau sebaliknya mengenai ramalan gempa bumi.

Ia juga menggesa orang ramai agar tidak menyimpan bekalan makanan melebihi keperluan.

Perdana Menteri Jepun Sanae Takaichi menggesa penduduk di kawasan terjejas supaya berpindah ke kawasan lebih tinggi.

Setakat 8.15 malam, seramai 182,181 penduduk dari lima wilayah iaitu Hokkaido, Aomori, Iwate, Miyagi dan Fukushima diarahkan berpindah, menurut Agensi Pengurusan Bomba dan Bencana.

Sementara itu, JR East berkata ia telah menyambung semula perkhidmatan kereta api laju Tohoku Shinkansen antara stesen Tokyo dan Shin-Aomori pada petang Isnin selepas pengantungan selama kira-kira empat jam, yang menjejaskan sekitar 32,000 orang.

Perkhidmatan kereta api itu akan beroperasi seperti biasa mulai pagi Selasa, kata pengendali berkenaan. - ©BERNAMA

Ibu negara New Zealand isytihar darurat susulan banjir

WELLINGTON, 20 April. - Keadaan darurat diisytiharkan di ibu negara New Zealand, Wellington, pada Isnin selepas hujan lebat mencetuskan banjir serius dan tanah runtuh, dengan seorang lelaki dilaporkan tidak dapat dikesan, lapor Xinhua.

Polis memaklumkan mereka sedang mencari Philip Sutton, seorang lelaki berusia lingkungan 60-an dari pinggir bandar Karori,

yang dilaporkan hilang selepas air banjir dan serpihan melanda kediamannya.

Wilayah itu kekal di bawah amaran hujan lebat tahap merah berisiko tinggi sehingga malam Selasa, menurut perkhidmatan meteorologi negara berkenaan.

Penduduk di kawasan rendah dan terdedah kepada banjir dinasihatkan melakukan evakuasi

sendiri dalam tempoh 24 jam akan datang, walaupun tiada arahan evakuasi mandatori dikeluarkan setakat ini.

Sebuah pusat bantuan kecemasan telah dibuka untuk mereka yang terjejas.

Beberapa kawasan di bahagian selatan Pulau Utara masih menjalankan kerja pembersihan susulan banjir kilat pada Ahad. - ©BERNAMA

Kebakaran telaga minyak di Texas cetus pemindahan penduduk

ISTANBUL, 21 April. - Kebakaran di sebuah tapak telaga minyak berhampiran pekan Etoile di negeri Texas, Amerika Syarikat (AS), pada Selasa mencetuskan respons kecemasan, dengan semua pekerja di lokasi itu berjaya dipindahkan dan disahkan selamat, lapor Anadolu Ajansi memetik pihak berkuasa tempatan.

Pejabat Syerif Daerah Nacogdoches memaklumkan anggota syerif bersama beberapa pasukan penyelamat dikerah ke lokasi kejadian di blok 15000 FM 226, di utara Etoile, susulan laporan mengenai kebakaran berkenaan.

"Laporan awal menunjukkan semua pekerja di tapak itu telah dikenal pasti dan dipindahkan. Pasukan penyelamat masih dalam perjalanan ke lokasi untuk menilai keseluruhan keadaan," menurut pejabat itu dalam satu kenyataan.

Pihak berkuasa mula memindahkan penduduk di sepanjang Cr. 561 sebagai langkah berjaga-jaga, manakala tindakan lanjut adalah bergantung pada perkembangan semasa di lokasi kejadian. - ©BERNAMA

Perdana Menteri Congo, jemaah menteri letak jawatan

KIGALI (Rwanda), 20 April. - Perdana Menteri Republik Congo Anatole Collinet Makosso mengemukakan peletakan jawatan bersama jemaah menteri kepada presiden, sekali gus membuka laluan kepada pembentukan kerajaan baharu, menurut kenyataan pejabat presiden pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Langkah itu dibuat beberapa hari selepas Presiden Denis Sassou Nguesso mengangkat sumpah bagi penggal kelima selepas memenangi pilihan raya pada 15 Mac.

Sementara menunggu kerajaan baharu dibentuk, barisan menteri sedia ada akan terus menjalankan urusan pentadbiran semasa, menurut kenyataan itu.

Makosso, yang dilantik pada 2021 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Negara atas kepercayaan yang diberikan sepanjang beliau menjalankan tugas dan menyatakan bahawa beliau kekal bersedia untuk berkhidmat kepada Presiden Republik.

Semasa majlis angkat sumpah minggu lepas, Nguesso berjanji untuk menyumbang kepada penyelesaian konflik yang menjejaskan benua Afrika. - ©BERNAMA

Republik India, Sri Lanka bincang cadangan bina saluran paip minyak

COLOMBO, 20 April. - Naib Presiden Republik India C P Radhakrishnan dan Presiden Sri Lanka Anura Kumara Dissanayake pada Ahad membincangkan cadangan menghubungkan Republik India dan negara kepulauan itu menerusi saluran paip minyak, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM) memetik Setiausaha Luar Republik India Vikram Misri.

Menurut Press Trust of India, Radhakrishnan dan Dissanayake turut mengadakan perbincangan yang konstruktif mengenai usaha memperkukuh lagi hubungan dua hala pelbagai dimensi, projek perumahan serta isu nelayan antara dua negara jiran Asia Selatan itu.

"Beberapa inisiatif dari pihak India sedang dilaksanakan dan beberapa cadangan juga telah dibincangkan antara kedua-dua negara.

"Antaranya ialah projek berkaitan hab tenaga di Trincomalee serta cadangan menghubungkan India dan Sri Lanka menerusi saluran paip minyak," kata beliau. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



INDERA SC JUARA LIGA SUPER BRUNEI 2025/2026



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan piala serta hadiah kepada pemenang (kiri sekali). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada perlawanan tersebut.

kedua perlawanan, Indera SC sekali lagi mempamerkan aksi cemerlang apabila Muhammad Akram Waqeel Muhammad Bakri sekali lagi memberikan gol pada minit ke-47.

Selang dua minit kemudian, Kasuka FC bangkit sekali gus menggegarkan gawang Indera SC melalui Mohammad Alinur Rashimy Awang Haji Jufri.

Hampir tamat perlawanan, Kasuka FC memanfaatkan masa tambahan yang diberikan dengan menjangkau gol kedua melalui Adi Said.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 April. - Indera SC dinobatkan sebagai juara Liga Super Brunei 2025/2026 setelah menewaskan Kasuka FC dengan kedudukan 3 - 2 berlangsung di Stadium Negara Hassanal

Bolkiah, kelmarin.

Menduduki tempat ketiga ialah Kota Ranger FC.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan piala serta hadiah ialah Timbalan Pengarah Belia

dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Babak pertama menyaksikan Indera SC lebih menguasai permainan sehingga berjaya membuka jaringan pada minit ke-21 menerusi Muhammad Akram Waqeel Muhammad Bakri.

Tanpa memperlakukan

rentak, Indera SC sekali lagi menambah jaringan pada minit ke-32 melalui Leon Sullivan Taylor.

Walau bagaimanapun, Kasuka FC terus berusaha mencari peluang, namun kekuatan pertahanan Indera SC berjaya mengesang setiap percubaan.

Bersambung pada babak

PMKK Daerah Temburong kekalkan kedudukan teratas



PASUKAN PMKK Daerah Tutong tewas 1 - 4 di tangan pasukan PMKK Daerah Temburong pada Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2025-2026.

corak permainan dan berjaya kembali mendahului hasil jaringan Awang Muhd. Harrih Norhaziman bin Abdullah pada minit ke-55.

Momentum kemenangan itu terus berpihak kepada pasukan PMKK Daerah Temburong apabila Awang Abdul Mustazai bin Mohd. Ali menambah jaringan pada minit ke-61.

Manakala, gol keempat yang dijaringkan oleh Awang Mohd. Amin bin Haji Abd. Rahman pada minit ke-90 telah mengesahkan kemenangan bergaya PMKK Daerah Temburong.

Pasukan PMKK Daerah Tutong terpaksa akur dicorot liga selepas hanya memperoleh 1 mata dari lima perlawanan, sementara pasukan PMKK Daerah Belait dan Brunei Muara masing-masing mengungguli tempat kedua dan ketiga.

Siaran Akhbar dan Foto :

Urus setia kejohanan Liga Bola Sepak PMKK 2025-2026

TEMBURONG, Isnin, 20 April. - Pasukan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Daerah Temburong mengukuhkan kedudukan teratas liga pada Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2025-2026 selepas mempamerkan aksi cemerlang dengan menewaskan pasukan PMKK Daerah Tutong dengan keputusan 4 - 1.

Kemenangan tiga kali berturut-turut, pasukan PMKK Daerah Temburong mengekalkan kedudukan pasukan berkenaan untuk berada di persada liga dengan 9 mata selepas melalui tiga perlawanan.

Dalam perlawanan yang diadakan di Padang Kompleks Sukan Temburong, Pasukan PMKK Daerah Temburong

bermula garang apabila Awang Muhammad Aiman bin Haji Ali menjaringkan gol seawal pertama yang memberikan kelebihan awal kepada pasukannya.

Pasukan PMKK Daerah Tutong bagaimanapun tidak mudah mengalah dan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-22 menerusi jaringan Awang Muhd. Adri Shamri bin Muhd. Zulamri.

Memasuki babak kedua, PMKK Daerah Temburong memperkemas

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSAMALAH KITA MEMELIHARA AGAMA ISLAM, PATUHI SEGALA PERINTAH ALLAH